

**ANALISIS TEGURAN POLITIK SEMASA  
BERDASARKAN NOVEL NARATIF OGONSHOTO  
KARYA ANWAR RIDHWAN: SATU KAJIAN PENELITIAN  
MELALUI TEORI SOSIOLOGI**

**ADLEY SLAUS STENLY**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

KELANTAN

**2023**



**ANALISIS TEGURAN POLITIK SEMASA BERDASARKAN NOVEL  
NARATIF OGONSHOTO KARYA ANWAR RIDHWAN:  
SATU KAJIAN PENELITIAN MELALUI TEORI SOSIOLOGI**

**ADLEY SLAUS STENLY  
C19A0011**

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**FEBRUARI 2023**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- |                                     |         |  |
|-------------------------------------|---------|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
|                                     |         | Dari tarikh _____ sehingga _____   |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)   |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)  |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.



Tandatangan Pelajar



Tandatangan Penyelia

Nama: Adley Slaus Stenly

No. Kad Pengenalan: 990408-12-5049

Tarikh: 20 Februari 2023

Nama Penyelia: En. Sudirman Bin Kiffli

Tarikh: 20 Februari 2023

## PENGHARGAAN

Syukur atas kesempatan dan ruang yang diberikan olehNya kerana dengan izin dan berkatNya. Saya sampai ke tahap ini dan menyiapkan dengan sempurna hasil kajian yang dijalankan. Saya juga bersyukur atas segala masalah dan dugaan yang dihadapi sepanjang tempoh menyiapkan laporan ini, dapat diatasi dengan tenang. Hal ini, dugaan yang dihadapi menjadikan saya lebih mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah perjuangan.

Pertama sekali, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada penyelia projek penyelidikan selaku Pensyarah elektif kesusastraan UMK yang dihormati, Encik Sudirman Bin Kiffli kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya telah membuka ruang untuk saya jayakan tugas ini. Buat kedua ibu bapa saya iaitu Puan Annie Lantaka dan K.K Stenly Amit serta saudara-saudara saya. Jutaan terima kasih saya ucapkan atas segala sokongan moral, menjadi pendengar luahan hati yang setia, dan bantuan keperluan tidak kira dari segi ekonomi, telah banyak membantu saya dalam menyempurnakan tugas dan pengajian ini. Tidak lupa juga, ucapan penghargaan kepada sahabat saya iaitu Eaxter Jamalun yang banyak memberi dorongan dan sokongan moral serta rakan-rakan seelektif saya iaitu Sharul Nizam, Dora, Wilimina dan Tony. Banyak memberi pandangan, pendapat dan peringatan terhadap setiap apa yang saya alpa sepanjang menyiapkan tugas ini. Akhir madah, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam penulisan projek penyelidikan saya ini. Khusus kepada semua pensyarah yang mengajar saya di Universiti Malaysia Kelantan, rakan-rakan dan kenalan.

*Datang jauh dari sabah,  
Bersama kawan sapa-menyapa,  
Terima kasih ucapan terindah,  
Jasa dan bakti takkan terlupa.*

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI GAMBAR	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	5
1.2 Persoalan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Skop Dan Batasan Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Metodologi	9
1.6.1 Kaedah Kajian	10
1.6.1 Kerangka Teori	12
1.6.2 Organisasi Kajian	13

**BAB 2: SOROTAN KAJIAN**

2.0 Pengenalan	16
2.1 Kajian Keunggulan Kepenggarangan ( Anwar Ridhwan )	17
2.2 Kajian Makna Dan Simbolik Dalam Karya Sastera	18
2.3 Kajian Berkaitan Teori Sosiologi	19
2.4 Kajian Berkaitan Teori Interaksionisme Simbolik	20

**BAB 3: DEFINISI TEORI DAN PENDEKATAN**

3.0 Pengenalan	22
3.1 Definisi Mengikut Pandangan Sarjana	23
3.2 Prinsip Dan Konsep Asas Teori Interaksionisme Simbolik	28

**BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	
4.1 Unsur Dan Elemen Politik Semasa Yang Terdapat Dalam Novel Naratif Ogonshoto Karya Anwar Ridhwan.	32
4.1.1 Penglibatan Dalam Kancah Politik	33
4.1.2 Sistem Pemerintahan Ekonomi Kapitalis	38
4.1.3 Pemilihan Umum	47
4.1.4 Kedudukan Sosioal	64
4.1.5 Manifesto Dalam Kempen	74

4.2 Bentuk Ungkapan Dan Bentuk Teguran Politik Semasa Yang Digunakan Dalam Novel Naratif Ogonshoto Karya Anwar Ridhwan.	
4.2.1 Belut Selat Morauka	82
4.2.2 Dewa Badak	87
4.2.3 Cengkerang Tiram	93
4.2.4 Tuna Tua	101
<b>BAB 5: KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	
5.1 Rumusan Kajian	107
5.2 Cadangan	
5.2.1 Memperluaskan Kajian Tentang Penggunaan Ungkapan Sebagai Suatu Simbolik	109
5.2.2 Memperbanyakkan Kajian Terhadap Aspek Penelitian Ungkapan Dalam Pelbagai Genre Sastera	110
5.2.3 Dikembangkan Dengan Aspek Penelitian Teori Yang Lain Sebagai Penyumbang Terhadap Perspektif Kehidupan	111
5.3 Kesimpulan	112
<b>BAHAN RUJUKAN</b>	
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	113

**SENARAI JADUAL:**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 1: Prinsip Asas Teori Interaksionisme Simbolik: Ritzer (1992)	28
Jadual 2: Ciri-Ciri Sistem Ekonomi Kapitalis: Karl Marx (1945)	42
Jadual 3: Kesan Buruk Sistem Ekonomi Kapitalis Kepada Rakyat Dan Golongan Pekerja: Karl Marx (1945)	43
Jadual 4: Undang-Undang Dan Peraturan Pilihan Raya. Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	51

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SENARAI RAJAH:**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1: Kerangka Teori Sosiologi	12
Rajah 2: Struktur Lapisan Kelas Sosial oleh Max Weber (1905)	65

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SENARAI GAMBAR:**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Gambar 1: Belut Laut ( <i>Anguilliformes</i> )	82
Gambar 2: Badak Air ( <i>Hippopotamus Amphibius</i> )	87
Gambar 3: Cengkerang Tiram ( <i>Crassostrea</i> )	93
Gambar 4: Ikan Tuna ( <i>Thunnus Sp</i> )	101

## **Analisis Teguran Politik Semasa Berdasarkan Novel Naratif Ogonshoto Karya Anwar Ridhwan: Satu Kajian Penelitian Melalui Teori Sosiologi.**

### **Abstrak**

Kajian ini merupakan perbincangan tentang analisis teguran dan bentuk sindiran politik semasa dalam sistem pentadbiran. Analisis mengkhusus pada ungkapan yang terdapat dalam teks karya yang digunakan iaitu novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) Sasterawan Negara Malaysia ke-10. Oleh itu, teori interaksionisme simbolik yang terdapat dalam teori sosiologi digunakan sebagai suatu panduan untuk menganalisis makna terhadap ungkapan yang digunakan sebagai simbol atau perlambangan kepada sifat-sifat pemimpin dalam sistem pentadbiran politik semasa. Hal ini demikian, makna dan kebenaran yang ada dapat diungkap secara utuh dan menyeluruh berdasarkan perlambangan atau simbol yang digunakan memberi perkaitan sifat yang sama dengan suatu perwatakan manusia. Selain itu, kajian ini juga akan menyerlahkan kekreatifan pengarang tempatan yang mempunyai ciri tersendiri dalam menggarapkan suatu perlambangan dan simbol untuk mengungkapkan sindiran terhadap pemimpin khusus dalam politik semasa yang dianggap sebagai isu sensitif serta terlarang bagi pihak pemerintah dalam sesbuah sistem pentadbiran negara pada masa kini.

**Kata Kunci:** perlambangan, pemerintah, politik semasa, interaksionisme simbolik, novel.

**Analysis Of Current Political Criticism Based On Anwar Ridhwan's  
Ogonshoto Narrative Novel: A Research Study Of Sociological  
Theory**

**Abstract**

*This study discuss about the analysis of criticism and the current form of political satire in the administrative system. The analysis focuses on expressions found the novel entitled Naratif Ogonshoto by Anwar Ridhwan (2014), the 10th National Writer of Malaysia. Therefore, the theory of symbolic interactionism found in sociological theory is applied as a guide to analyze the inner meaning of expressions used as symbols of the qualities of the leaders in current political administration system in Malaysia. In this case, the existing meaning and truth can be fully and comprehensively expressed based on the symbolism or symbols that are used to relate the nature of human character shown in the text. In addition, this study also highlight the creativity of local authors who have their own characteristics in working on a symbolism and symbol to express satire against specific leaders in current politics which is considered a sensitive and forbidden issue for the government in a current national administration system.*

**Keywords:** symbolism, government, current politics, symbolic interactionism, novel.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Sastera dari segi etimologi dalam bahasa Sanskrit bermaksud kata-kata. Sastera dalam bahasa Sanskrit disebut *castra* (*syastra*) iaitu kitab suci, karya atau karangan, huruf dan buku. Menurut Harun Mat Piah (2006) perkataan sastera berasal daripada perkataan *castra* iaitu kitab suci. Sastera kata dasarnya ialah pelahiran kata-kata yang suci dan merupakan suatu bidang seni kreatif yang menggunakan medium bahasa sebagai penghantarnya. Menurut Hashim Awang (1985) sastera merupakan hasil seni yang disampaikan melalui bahasa dan berkeupayaan membentuk tamadun sesuatu bangsa.

Pembentukan sesebuah karya sastera melibatkan aspek estetika dan kehalusan iaitu melibatkan perasaan penulis, emosi, gambaran kehidupan yang dekat dengan fitrah jiwa manusia. Bahasa sastera mempunyai unsur ketaksaan (*ambiguities*) yang melebihi beberapa makna daripada satu perkataan. Oleh hal yang demikian, sastera mempunyai organisasi atau bentuk tertentu dengan keindahan penggunaan bahasa dan secara realitinya, hasil karya sastera bersifat tentang pengalaman hidup seseorang penulis atau pengkarya yang cuba

menyampaikan sesuatu fakta dan kefahaman dengan penggunaan bahasa yang berkias dan berlapis agar mampu menarik perhatian serta minat khalayak atau pembaca.

Sastera merupakan sebuah hasil pemikiran yang terbentuk dari akal dan fikiran manusia yang sangat kreatif dan imaginatif. Tujuan penggunaan karya sastera ini adalah sangat meluas terutamanya dalam membentuk teguran terhadap kehidupan masyarakat sosial. Selain itu juga, iainya merupakan sebuah alat penawar dan juga penghibur yang membawa ucapan makna serta nasihat yang disampaikan.

Sastera terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kesusasteraan Tradisional yang merangkumi sastera lisan, sastera tulisan, puisi tradisional seperti pantun, gurindam, syair, talibun, mantera, dan seloka. Terdapat juga prosa tradisional iaitu hikayat-hikayat melayu klasik. Pada bahagian kedua pula, Kesusasteraan Moden yang merangkumi karya-karya sastera moden seperti sajak, cerpen dan novel.

Namun pada penulisan kajian ini, pengkaji memfokuskan penelitian terhadap karya sastera moden iaitu Novel. Secara etimologi, istikah novel berasal daripada bahasa Itali iaitu *Novella*. Manakala pengkarya atau penulis novel ini digelar atau disebut sebagai *Novelis*.

Novel merupakan salah satu bentuk karya sastera, yang terdiri daripada kerangka prosa panjang yang ditulis oleh seseorang novelis. Ianya terdiri sekurang-kurangnya 100 halaman atau jumlah perkataannya lebih dari 35 000 patah perkataan. Novel juga mengandungi rangkaian cerita kehidupan seseorang watak dengan

orang sekitarnya. Novel ditulis dengan suatu naratif dan deskriptif untuk menggambarkan suasana kejadian di dalamnya. Melalui perwatakan pula, akan memperlihatkan watak dan sifat setiap pelaku dalam sebuah kisah yang diceritakan melalui bahagian tertentu, iainya terdiri daripada bahagian permulaan cerita, perkembangan, konflik, klimaks sehingga bahagian yang terakhir iaitu tahap peleraian.

Tambahan pula, alur cerita di dalam sesebuah karya novel cukup kompleks dan terdapat lebih dari satu impresi, kesan dan emosi. Menurut Walter Scott, Baronet Pertama (1822). Beliau merupakan seorang novelis, penyair, penulis drama dan ahli sejarah telah mendefinisikan novel sebagai sebuah “narasi fiktif” dalam bentuk prosa atau sajak. Tujuan penulisan sesebuah karya novel adalah untuk menjadikan peristiwa di dalamnya sebagai peristiwa yang luar biasa dan jarang terjadi. Menurut Esten (2000) novel sebagai pengungkapan daripada fragmen kehidupan manusia (dalam jangka yang lebih panjang) terjadi konflik-konflik yang akhirnya menyebabkan perubahan jalan hidup antara para pelakunya.

Pada penulisan kajian ini, pengkaji telah memilih novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan iaitu salah satu karya tokoh sasterawan negara yang ke-10. Novel Naratif Ogonshoto mengisahkan perihal tentang sesebuah negara kepulauan di Lautan Pasifik, bernama Ogonshoto yang diciptakan oleh penulisnya. Melalui penelitian yang telah dijalankan oleh pengkaji berdasarkan novel ini, terdapat beberapa bentuk teguran sosial dan politik semasa yang disampaikan oleh

pengkarya kepada pembaca. Melalui penulisan ini, jenis-jenis teguran yang disampaikan begitu keras akan tetapi sangat berkias.

Hal ini menjadi suatu daya tarikan kepada pengkaji untuk menjalankan penelitian dan menghasilkan sebuah penulisan yang mampu memberi kefahaman serta ringkasan kepada khalayak mahupun para pelajar Sekolah Menengah diluar sana.

Dalam kajian ini juga, penulis telah menggunakan teori sosiologi sebagai satu pendekatan penulisan. Penggunaan teori ini penting bagi memastikan hasil penulisan yang begitu baik dan tidak terpesong daripada landasan penyelidikan. Definisi sosiologi adalah pengetahuan atau ilmu tentang sifat, perilaku, dan perkembangan masyarakat. Ilmu tentang struktur sosial, proses sosial, dan perubahannya. Makna perkataan sosiologi ini merupakan gabungan dua kata daripada bahasa Latin dan Yunani. Iaitu kata *Socius* yang membawa maksud kawan dalam bahasa Latin. Manakala *Logos* pula bermaksud ilmu pengetahuan dalam bahasa Yunani. Oleh hal yang demikian, secara harafiah sosiologi merupakan ilmu pengetahuan yang mempelajari pola perilaku manusia dalam kehidupan bermasyarakat. Namun, di dalam kajian ini, penggunaan teori sosiologi digunakan sebagai pendekatan untuk meneliti dan menjelaskan tentang analisis teguran politik dalam masyarakat sosial semasa berdasarkan novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan.

Hal ini demikian, pengkaji menggunakan teori sosiologi ini sebagai satu pendekatan dalam menjalankan kajian ini adalah sesuai

dengan persoalan dan objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Dalam kajian ini permasalahan yang ditimbulkan ialah mengenai kurangnya kajian terhadap nilai estetika dalam penelitian terhadap karya sastera, terutama di dalam novel Naratif Ogonshoto. Novel ini merupakan salah satu bahan buku teks kesusasteraan bagi para pelajar Sekolah Menengah yang berada di tingkatan empat (4) dan lima (5) di sekolah-sekolah tempatan di Malaysia. Sungguhpun begitu, jalan cerita dan mesej yang ingin disampaikan dalam buku ini amat sukar untuk difahami kerana merakamkan peristiwa menggunakan binaan naratif yang sangat kompleks.

Hal ini dikatakan demikian kerana, tahap kepekaan intelektual penulis yang pelbagai dimensi ketika mengupas permasalahan masyarakat dunia menjadikan buku ini memerlukan penelitian yang lebih khusus agar mampu menangkap dan meyimpulkan persoalan yang disampaikan oleh penulis. Novel ini mempunyai jalan cerita yang sangat unik, kreatif dan imaginatif, juga terdapat unsur humor serta padat dengan unsur sindiran sosial dan politik terhadap masyarakat semasa.

Di samping itu, permasalahan yang ditimbulkan dalam kajian ini ialah, kurangnya kajian terhadap bentuk teguran yang terdapat pada novel Naratif Ogonshoto ini. Hal ini kerana, novel ini terdapat beberapa

jenis bentuk teguran yang ingin disampaikan oleh penulis terhadap pembaca. Novel ini boleh dibaca secara selapis tetapi lebih indah jika dapat dibaca dan melakukan penelitian yang mendalam terhadap makna yang tersirat menggunakan kemahiran berfikir secara aras tinggi.

Hal ini, jelas menunjukkan bahawa terdapat dua permasalahan kajian yang dapat mewujudkan suatu penelitian yang baharu dan dapat menyimpulkan makna disebalik penyampaian cerita yang terdapat pada novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan ini.

## 1.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Apakah unsur dan elemen politik semasa yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan.
- b) Bagaimanakah bentuk ungkapan dan bentuk teguran politik semasa yang digunakan dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan.

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti unsur dan elemen politik semasa yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan.
- b) Menganalisis bentuk ungkapan dan bentuk teguran politik semasa yang digunakan dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan.

### 1.4 Skop Dan Batasan Kajian

Dalam penulisan penyelidikan ini, novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan, dijadikan sebagai sumber utama di dalam penelitian penulisan ini. Novel ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2014 dan mengalami cetakan sebanyak dua kali sebagai bahan edisi kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah yang mengambil subjek mata pelajaran Kesusastraan Melayu di tingkatan 4 dan 5. Buku ini dipilih oleh pengkaji, kerana terdapat beberapa ungkapan dan bentuk teguran politik semasa yang menjadi tarikan kepada pengkaji untuk menghasilkan sebuah penyelidikan baharu.

Di samping itu, pengkaji telah memfokuskan beberapa skop sebagai intipati landasan penyelidikan. Antaranya ialah, penelitian terhadap gaya bahasa yang digunakan sebagai bentuk teguran politik semasa yang terdapat di dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Rindhwan. Seterusnya, penelitian terhadap ungkapan yang digunakan

oleh penulis dalam mengkritik masyarakat politik semasa. Oleh yang demikian, sebagai batasan terhadap landasan penulisan penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan teori sosiologi sebagai rujukan utama bagi melakukan penelitian. Tujuan penggunaan teori sosiologi dalam penulisan ini adalah sesuai bagi menganalisis sifat dan tangkah laku masyarakat sosial di negara ini, khususnya dalam bidang politik semasa.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting dalam mengenal pasti bentuk-bentuk teguran politik semasa khususnya yang terdapat dalam Novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan. Kajian ini juga akan mengemukakan pendekatan yang sederhana dalam isu teguran politik yang digunakan dalam sesebuah karya mahu pun dalam pertuturan seharian manusia sebagai suatu alat yang digunakan sebagai bahan teguran kepada masyarakat yang bergiat aktif dalam politik semasa demi menjaga hubungan dan interaksi sosial antara masyarakat. Selain itu juga, bentuk teguran yang digunakan mampu memberi kesedaran kepada masyarakat politik agar sentiasa memperbaiki kesilapan dan bersaing dengan sihat demi kemajuan dan pembangunan negara secara bersama tanpa mementingkan kepentingan dan kepuasan diri sendiri. Melalui pendekatan teori sosiologi yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini juga, akan memberi gambaran dan kefahaman yang lebih lagi berkaitan penggunaan kata yang menjadi simbolik sebagai ungkapan,

teguran dan sindiran kepada masyarakat. Hal ini demikian, harapan pengkaji daripada kajian ini akan menjadi suatu sumber rujukan kepada masyarakat di luar sana bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkaitan penggunaan gaya bahasa yang menjadi simbolik teguran dalam sesebuah karya sastera mahupun dalam ucapan yang dilontarkan oleh masyarakat di luar sana.

## **1.6 Metodologi Kajian**

Pada bahagian metodologi pula, merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul serta menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu yang digunakan. Tujuan metodologi di dalam sesebuah kajian adalah untuk membantu memahami dengan lebih luas atau secara terperinci tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan dua bahagian iaitu kaedah kajian dan kerangka teori agar dapat menghasilkan kajian yang berkualiti dan mencapai objektif yang telah digariskan.

### **1.6.1 Kaedah Kajian**

Pada bahagian kaedah kajian, penulis menggunakan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk dalam menganalisis kajian

iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah kajian teks dan kaedah melayari internet.

### A) Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan merupakan kajian terhadap penelitian bahan bacaan yang lain. Kaedah ini digunakan dengan merujuk kepada buku-buku, artikel, jurnal dan bahan-bahan bertulis yang berkaitan. Pengkaji akan merujuk kepada bahan-bahan kajian lepas yang telah dilakukan oleh penulis sebelumnya mahupun secara atas talian, bagi memperkuatkan maklumat dan pandangan yang dinyatakan di dalam kajian.


### B) Kajian Teks (*Narrative Analysis*)

*Narrative Analysis* atau lebih difahami sebagai analisis terhadap cerita. Pada penulisan kajian ini, pengkaji memfokuskan penelitian terhadap teks yang terkandung di dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridwan. Pengkaji akan membaca dan memahami unsur serta jalan cerita yang terkandung di dalam novel berkenaan, bagi mendapatkan topik-topik yang ingin dikupas dan dijadikan sebagai bahan persoalan dalam kajian. Pengkaji menggunakan naskah novel Naratif Ogonshoto sepenuhnya sebagai bahan rujukan yang utama dalam menghasilkan penulisan.

### C) Kaedah Rujukan Internet

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji juga telah menggunakan kaedah internet sebagai bahan rujukan untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan. Penggunaan ini kerap digunakan oleh pengkaji oleh kerana mudah dicapai dengan lebih pantas. Pengkaji banyak menggunakan kaedah ini dalam meninjau makna-makna tertentu serta berkaitan konsep dan penggunaan teori dalam sesebuah karya penulisan khususnya dalam meninjau aktikel-artikel, jurnal dan hasil penulisan yang dikaitkan dengan teori sosiologi sebagai suatu teori kritikan dan penelitian dalam sesebuah karya sastera.

### 1.6. 2 Kerangka Teori



Rajah 1: Kerangka Teori

## 1.7 Organisasi Kajian

Penulisan kajian ini merangkumi lima bab yang menjadi tunjang kepada kupasan pengkaji untuk menghasilkan sebuah penulisan yang baik dan dapat mengelaskan setiap permasalahan dengan lebih terperinci. Oleh hal demikian, pada bab satu, pengkaji memulakan penulisan dengan pendahuluan. Pada bahagian pendahuluan ini, pengkaji akan mengemukakan latar belakang, definisi, konsep dan pandangan daripada sarjana berkaitan tema dan topik kajian. Pada bahagian ini juga, penting untuk menjelaskan tajuk kajian yang akan dikaji serta memberi keterangan secara ringkas berkaitan persoalan yang akan dikupas dalam penulisan penyelidikan ini.

Seterusnya pada bab yang kedua pula berkaitan kajian lepas atau sorotan kajian. Pada bahagian ini pengkaji akan menjalankan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan oleh pengkaji sebelumnya. Pada bahagian ini penting dijalankan oleh pengkaji agar mampu menghasilkan tajuk serta kupasan yang baharu terhadap persoalan-persoalan yang belum menjadi topik kajian yang dijalankan. Di samping itu, pada bahagian ini juga penting terhadap pengkaji untuk menghasilkan idea-idea baharu serta pemerolehan maklumat yang lebih banyak sebagai panduan penulisan kajian kepada pengkaji.

Bab yang seterusnya pula, iaitu bab tiga yang berkaitan definisi teori atau pendekatan. Pada bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan

teori yang digunakan sebagai landasan asas kepada penulisan kajian ini. Pada bahagian ini juga, pengkaji akan menerangkan berkaitan konsep dan definisi teori mengikut pandangan dan pengertian daripada tokoh ilmuan atau sarjana yang tertentu. Hal ini, penting bagi mendapatkan istilah yang benar agar dapat menganalisis maklumat secara tepat dan lebih terperinci. Tambahan pula, pada bahagian ini akan menjelaskan sebab dan tujuan pemilihan teori atau pendekatan yang digunakan oleh pengkaji dalam mengasilkan penulisan bagi mencapai objektif dan menjawab terhadap persoalan-persoalan yang telah dikemukakan.

Bab yang keempat pula, iaitu analisis kajian. Pada bahagian ini akan menerangkan secara keseluruhan terhadap hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Segala hasil daripada pengumpulan data dan maklumat yang telah dilakukan oleh pengkaji akan diterangkan secara terperinci mengikut landasan pendekatan dan teori yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pada bahagian ini, penjelasan isi dan huraiannya akan lebih panjang bagi memastikan persoalan dan objektif kajian dapat dijawab dan memberi kefahaman yang jelas kepada pembaca diluar sana yang cuba menggunakan hasil kajian ini sebagai rujukan pada masa akan datang.

Akhir sekali, bab lima iaitu berkaitan kesimpulan. Bahagian ini juga dikenali sebagai bahagian penutup iaitu suatu gagasan yang telah dicapai pada bahagian penghujung perbincangan. Pengkaji akan

memberi penjelasan secara ringkas dan padat terhadap tajuk kajian berserta hasil yang telah diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan. Selain itu, pada bahagian ini juga, pengkaji akan mengusul beberapa cadangan dan harapan berdasarkan hasil kajian yang dijalankan kepada pengkaji-pengkaji akan datang untuk terus mengupas dan memperbanyakkan hasil kajian berkaitan. Oleh itu, pada bahagian ini juga akan menyimpulkan idea-idea dan isi yang disampaikan secara ringkas kepada pembaca, pelajar dan pengkaji di luar sana.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan

Bab ini mengandungi perbincangan tentang tinjauan kajian lepas.

Hal ini dikatakan demikian kerana, pada bab ini pengkaji akan menyenarai serta membincangkan tentang tinjauan kajian-kajian sebelumnya yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pada bahagian ini juga, pengkaji telah meneliti beberapa aspek kajian sebelumnya yang membawa perkaitan tentang novel, aspek pemikiran, pendekatan teori, nilai-nilai, cara dan penulisan teks, bahasa, keunggulan pengarang serta tinjauan-tinjauan kajian lepas yang berkaitan.

Tujuan tinjauan kajian lepas ini dilakukan adalah untuk menjadi landasan kepada pengkaji agar mampu menghasilkan satu kajian yang baharu dan bertujuan untuk mencari kelompongan yang terdapat dalam kajian terdahulu. Hal ini demikian, bagi membantu pengkaji menjalankan satu kajian yang tidak serupa atau sama dengan kajian sebelumnya. Sehubungan dengan itu, pada bab ini pengkaji akan jalankan tinjauan secara berterusan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan sumber yang lebih baik dalam menganalisis kajian seterusnya.

## 2.1 Tinjauan Kajian Lepas

### 2.1.1 Keunggulan Pengarang (Anwar Ridhwan)

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din, dan Phaosan Jehwae (2020). Kajian ini bertujuan meneliti keunggulan kepengarangan novel Naratif Ogonshoto dan novel Penyeberang Sempadan yang akan dianalisis menggunakan teori Teksdealisme melalui empat prinsip iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keindividualan. Secara khusus, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kedua-dua novel tersebut yang menjadi kekuatan kepada kepengarangan pengarangnya. Novel Naratif Ogonshoto dan novel Penyeberang Sempadan dikarang oleh Anwar Ridhwan yang merupakan tokoh Sasterawan Negara ke-10.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Secara holistiknya, kajian ini mengaplikasikan empat prinsip yang mendukung teori Teksdealisme yang menampilkan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dan menemukan konsep keunggulan baharu iaitu Citra Keunggulan Insan melalui tiga prinsip utama iaitu prinsip Hijrah, prinsip Jati Diri dan prinsip Insaniah. Kajian ini merumuskan secara keseluruhan dari segala aspek bagi mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan. Akhir

sekali, kajian ini memberi implikasi kepada pengkaji atau penyelidik sebagai asas memahami proses kepengarangan selain turut membantu pembaca memilih karya yang benar-benar unggul serta mendorong pengarang mempertingkatkan karya bagi mencapai tahap unggul.

Mohammad Saleeh Rahamad (2005) Universiti Malaya. Naratif Ogonshoto: Ibarat Madu Lewat Saringan. Novel multi-genre Anwar Ridhwan, Naratif Ogonshoto mewakili teks pascamoden dengan unsur politik yang kuat. Dengan gaya tradisional dan moden yang digabungkan secara kreatif, karya ini menunjukkan pengalaman dan kemahiran penulis dalam menyampaikan bacaan yang meyakinkan. Makalah ini cuba menerangkan pemikiran dan teknik yang dikembangkan secara kohensif dan diam-diam. Dimensi pasca-kolonialisme yang meneroka kekuatan pusat dan marginal biasanya bersifat ideologi. Oleh itu, analisis ini tertakluk kepada persepsi bertentangan yang dilihat dari sudut yang berbeza.

### **2.1.2 Kajian Makna dan simbolik dalam karya sastera**

Sorotan kajian seterusnya melalui Mohamad Ariff (2016) Universiti Malaya, dengan tajuk kajian *Makna Siratan Dalam Novel Politik Melayu Terpilih: Analisis Berdasarkan Gagasan Kritikan*

*Melayu*. Pada kajian ini, pengkaji telah menganalisis makna siratan daripada pengungkapan makna siratan daripada pengungkapan dalam lima buah novel Melayu yang dipilih. Pengungkapan yang mengandungi makna siratan merupakan cara yang digunakan oleh para pengarang novel sebagai kritikan terhadap individu dan masyarakat. Hal ini demikian, pengungkapan yang mengandungi makna siratan menunjukkan kebijaksanaan para pengarang mengaitkan karya kreatif dengan situasi kehidupan seharian dalam masyarakat. Oleh itu, terdapat tafsiran dalam pengungkapan pengarang yang dikaitkan dengan fungsi kesusasteraan sebagai cerminan masyarakat dan kreativiti dalam seni naratif itu.

### **2.1.3 Kajian Berkaitan Teori Sosiologi**

Sorotan kajian seterusnya ialah Asmiaty Amat (2011) dengan tajuk kajian *Ngayau Sebagai Sebuah Novel Berwarna Tempatan: Satu Kajian Sosiologi Sastera*. Kajian ini dijalankan bagi meneliti novel-novel karya tempatan oleh Ismail Abbas atau Amil Jaya iaitu penulis tempatan Sabah yang pertama menulis novel dengan tajuk *Cerah, Bagaton* dan *Ngayau* yang memaparkan kehidupan masyarakat Borneo yang sering kali mengalami konflik suku kaum. Novel *Ngayau* adalah novel kedua Amil Jaya yang memaparkan tentang tradisi penggal kepala yang pernah berlaku

di Sarawak satu ketika dahulu. Tujuan penelitian ini dijalankan adalah untuk meneliti kejayaan sama ada penulisan novel ini berjaya untuk menggambarkan unsur warna tempatan dengan menggunakan teori sosiologi. Hasil kajian ini mendapati bahawa, pengarang berjaya menonjolkan tema tentang adat dan pantang larang masyarakat Dayak di Sarawak dan berjaya menonjolkan pemikiran penulis yang tersirat melalui karyanya. Melalui kajian ini juga, telah berjaya menyampaikan sedikit warna tempatan yang membawa kepada penyampaian pemikiran tentang agama, maruah bangsa, dan kasih sayang antara masyarakat.

Melalui fikiran watak-watak yang terkandung di dalam karya penulisan ini telah memberi pengajaran yang digarap oleh pengarang, dapat ditafsirkan keinginan dan harapan pengarang sebagai seorang pencinta kedamaian untuk melihat permusuhan dan sengketa kaum ditamatkan, tidak kira di mana juga berlaku terutama sebagai golongan muda harus menunjukkan sifat hormat dan saling menghargai antara budaya agar dapat mengekalkan keamanan sepanjang generasi akan datang.

#### **2.1.4 Kajian Berkaitan Teori Interaksionisme Simbolik.**

Kajian melalui Debi Setiawati (2011) dengan tajuk kajian *Interaksionisme Simbolik Dalam Kajian Sejarah*. Kajian ini

merupakan satu penelitian teori interaksionisme simbolik yang digunakan dalam mengupas jenis-jenis ungkapan dan perlambangan sesuatu peristiwa. Tujuan penelitian ini dijalankan adalah untuk menilai dan meninjau tentang sesuatu kebenaran peristiwa masa lampau. Teori ini telah berperanan dangan mengungkap dan memaknai simbol-simbol yang terdapat di setiap realiti kehidupan manusia serta menjadi perbandingan dalam kesedaran terhadap interaksi manusia. Oleh itu, kajian ini dijalankan dalam meneliti aspek-aspek perlambangan yang terdapat dalam subjek sejarah yang banyak menggunakan simbol dan ungkapan dalam sesebuah rentetan peristiwa yang berlaku agar menjadi pengajaran dan pembangunan insaniah dalam diri seseorang manusia yang berinteraksi.

Kesimpulannya, berdasarkan tinjauan yang telah dijalankan oleh pengkaji, hal ini jelaslah bahawa terdapat pelbagai aspek yang telah dikaji oleh para sarjana sebelumnya. Oleh itu, sebuah kajian analisis teguran politik semasa dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan: satu tinjauan penelitian teori Sosiologi ini dijalankan bagi menambahkan lagi aspek-aspek kajian terhadap novel Naratif Ogonshoto dan penggunaan teori Sosiologi ini pada masa akan datang.

## BAB 3

### DEFINISI TEORI DAN PENDEKATAN

#### 3.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam “Analisis Teguran Politik Semasa Berdasarkan Novel Naratif Ogonshoto Karya Anwar Ridhwan: Satu Kajian Penelitian Melalui Teori Sosiologi”. Di samping itu juga, pada bahagian ini akan memperincikan definisi teori atau pendekatan yang digunakan dalam melakukan penyelidikan. Oleh itu, metodologi kajian ini akan memastikan kajian atau penyelidikan yang dilaksanakan lebih bersistematik dan mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

#### 3.1 Definisi Mengikut Pandangan Sarjana

Menurut Mana Sikana (1983) pendekatan sosiologi ini memberi penekanan kepada aspek-aspek sosial tentang bagaimana seseorang rakyat atau seseorang individu tersebut menjadi anggota masyarakat yang berguna serta bertanggungjawab dalam kehidupan seharian demi kepentingan masyarakat dan diri sendiri. Hal ini demikian, pendekatan sosiologi bukan sahaja menjadi aspek atau pendekatan terhadap penelitian sesebuah karya yang dihasilkan, malahan menjadi aspek

penelitian terhadap pengkaryanya. Sebelum memasuki penelitian tentang intrinsik makna yang terdapat dalam sesebuah karya yang dihasilkan, riwayat hidup seseorang pengarang termasuklah tempat lahir, sosiolisisasi, pendidikan, status sosial, nilai-nilai kehidupan dan sebagainya hendaklah ditinjau terlebih dahulu bagi mengangkat keunggulan seseorang pengkarya atau penulis. Menurut Mana Sikana juga, dalam pendekatan sosiologi ini terdapat dua konsep pendekatan. Iaitu yang pertama, melihat karya sastera sebagai cerminan sejarah yang berlaku sebelumnya. Tegasnya pendekatan ini memperlihatkan konfrantasi atau konflik dan pertikaian yang berlaku dalam sesebuah masyarakat sebagai sumber inspirasi penulis. Kedua, tugas mereka ialah mencerminkan sesuatu peristiwa yang terjadi dalam sesebuah kehidupan bermasyarakat melalui pengulasan watak yang terdapat dalam sesebuah karya penulisan. Hal ini demikian, watak-wataknnya hendaklah menggambarkan sifat seseorang individu dengan keperibadian seperti yang telah ditetapkan oleh penglihatan atau tanggapan masyarakat.

Menurut Ungku Maimunah Mohd Tahir (2007) dalam konteks kesusasteraan Melayu. Konsep sosiologi sastera umumnya terbahagi kepada tiga bentuk pemahaman dan penerapan. Pada pemahaman yang pertama, ianya bertolak kepada andaian bahawa teks sastera bebas daripada tuntutan dan pengaruh persekitaran.

Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian berpusatkan kepada teks sepenuhnya dan menumpuhkan kepada usaha penggambaran sifat masyarakat secara rasional. Pemahaman kedua pula, ianya membincangkan mengenai persekitaran tentang kaitan yang penting dengan sesebuah karya yang dihasilkan.

Justeru itu, pada bahagian ini juga akan mengkaji dan menganalisis dinamika atau kesinambungan antara teks dengan konteksnya yang menjadi pengaruh sesebuah karya daripada segi isi dan bentuknya. Pada pemahaman yang ketiga pula, teori sosiologi ini mampu meyakini eratnya jalinan antara persekitaran dan karya yang dihasilkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan sesuatu paradigma tertentu sebagai aspek kajian permasalahan yang dibangkitkan dalam sesuatu teks sastera. Oleh hal yang demikian dapat dilihat pada pemahaman yang pertama membawa pengertian yang jauh lebih dominan dan merupakan ‘ilmu’ tentang sosiologi sastera yang diterapkan dan diamalkan dalam penghasilan sesebuah karya sastera Melayu.

Pengertian sosiologi menurut, Diana Laurenson dan Alan Swingewoods (1972) menjelaskan bahawa pendekatan sosiologi adalah suatu penelitian tentang aspek masyarakat dan kemasyarakatan dalam satu bidang ilmu yang memberikan tumpuan terhadap seseorang individu dan masyarakat secara saintifik dan objektif. Selain itu, kajian sosiologi juga merangkumi kajian tentang kedudukan seseorang individu

dalam sesebuah masyarakat, kajian mengenai institusi sosial, proses bersosialisasi serta sejarah sosial masyarakat tersebut. Di samping itu, Diana Laurenson dan Alan Swingewoods juga mengatakan bahawa hubungan masyarakat dan persekitaran sangat berkait rapat dan saling melengkapi untuk memahami isu-isu masyarakat dan sejarah.

Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (1995) berpendapat bahawa, pada dasarnya pendekatan sosiologi cuba untuk melihat dan meneliti segala nilai-nilai masyarakat, institusi sosial serta sesuatu komuniti atau individu daripada hasil karya tertentu. Hal ini, merujuk kesesuaian penerapan pendekatan sosiologi sastera untuk meneliti aspek pemikiran penulis yang berhubung dengan persoalan masyarakat dan kemasyarakatan dalam sesebuah karya sastera yang terhasilkan.

Secara khususnya sosiologi adalah suatu pengetahuan atau ilmu tentang sifat, perilaku, dan perkembangan masyarakat iaitu ilmu tentang struktur sosial, proses sosial dan perubahan yang berlaku di dalamnya. Menurut kamus dewan, perkataan sosiologi merupakan gabungan dua kata daripada bahasa Latin dan Yunani. Perkataan *Socius* yang bererti kawan dalam bahasa Latin dan kata *Logos* membawa erti ilmu pengetahuan dalam bahasa Yunani. Oleh hal yang demikian, secara khususnya perkataan sosiologi pun tercetus dan memberi penerangan tentang ilmu pengetahuan yang akan mempelajari pola perilaku manusia dalam kehidupan bermasyarakat.

Kata sosiologi diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun (1838) oleh seorang tokoh yang bernama Auguste Comte. Istilah ini telah disebut dan dinyatakan di dalam bukunya yang bertajuk *Cours De Philosophie Positive*. Namun demikian, terdapat juga beberapa tokoh lain yang menjadi penemu kemunculan istilah sosiologi ini. Masing-masing tokoh ini membawa makna dan aspek penumpuan yang berbeza dalam teori sosiologi ini.

Daripada penelitian beberapa tokoh dan pengasas teori sosiologi, pengkaji telah mendapati bahawa dalam teori atau pendekatan sosiologi terbahagi kepada beberapa aspek pendekatan yang lain di dalamnya. Namun pada penelitian ini, pengkaji ingin menggunakan pendekatan Interaksionisme Simbolik sebagai landasan dalam menganalisis teguran politik semasa berdasarkan novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan.

Menurut pengagas teori interaksionisme simbolik sosiologi ini iaitu, George Herbert Mead (1932). Mengatakan bahawa, teori ini mengkaji bagaimana seseorang menginterpretasi dan bertindak mengikut kemahuan masing-masing dalam sesebuah kehidupan bermasyarakat. Ia juga membincangkan peranan seseorang individu dalam sesuatu sistem sosial. Hal ini demikian, ahli-ahli falsafah interaksionisme, mentafsirkan makna perlakuan atau aksi individu dengan penjelasan makna-makna perlakuan manusia yang subjektif dengan simbol-simbol yang telah dinyatakan. Oleh itu, teori ini

mempunyai dua asas pemerhatian penting iaitu, mengkaji makna simbolik atau makna yang tersirat secara subjektif. Seterusnya, ia melihat bagaimana makna yang disimbolikkan itu digunakan dalam interaksi atau sifat manusia.

Namun, teori interaksionisme simbolik ini telah dikembangkan oleh Herbert Blumer (1969) iaitu anak murid kepada Herbert Mead. Ia memberikan tiga huraian penting mengenai konsep makna. Pertama, kepentingan memahami makna-makna simbolik mengikut konteks penggunaannya. Kedua, makna yang disimbolik berguna semasa interaksi di mana makna-makna berkenaan menyebabkan hubungan bertambah mesra. Ketiga, makna adalah sesuatu yang boleh ditundingkan iaitu kita tidak semestinya menerima makna yang sesuai kepada sesuatu perkara. Oleh itu, dapat dikaitkan bahawa pendekatan atau teori interaksionisme simbolik ini melihat bagaimana seseorang individu membentuk dan dibentuk oleh interaksinya dengan orang lain di sekitarnya. Ia memberi penekanan tentang peranan aktif seseorang individu dalam perhubungan sosial dan seseorang manusia bukanlah secara pasif dibentuk oleh persekitaran sosial. Berikut merupakan beberapa prinsip asas teori interaksionisme simbolik mengikut pandangan dan sumber daripada Ritzer (1992).

### 3.2 Prinsip Dan Konsep Asas Teori Interaksionisme Simbolik

**Jadual 1:** Prinsip Asas Teori Interaksionisme Simbolik Ritzer (1992)

Bil.	Prinsip Asas Teori Interaksionisme Simbolik
1.	Manusia adalah tidak sama dengan binatang kerana manusia mempunyai keupayaan untuk berfikir.
2.	Keupayaan berfikir manusia adalah dibentuk oleh interaksi sosial.
3.	Dalam interaksi sosial, manusia mempelajari makna-makna dan simbol-simbol yang membolehkan mereka mengamalkan keupayaan berfikir yang ada pada mereka.
4.	Makna-makna dan simbol-simbol membolehkan manusia beraksi dan berinteraksi.
5.	Manusia berkeupayaan mengubah makna-makna dan simbol-simbol yang mereka gunakan dalam aksi dan interaksi berdasarkan interpretasi mereka terhadap sesuatu situasi.
6.	Manusia berkeupayaan membuat modifikasi dan alterasi antaranya kerana kebolehan mereka berinteraksi dengan diri sendiri. Kebolehan ini membolehkan mereka menjangkakan kemungkinan-kemungkinan kesan tindakan, membuat penilaian kebaikan dan keburukan dan akhirnya menentukan tindakan atau aksi yang sesuai atau sepatutnya.
7.	Jalinan aksi dan interaksi akan membentuk kumpulan dan masyarakat.

Di samping itu, makna-makna simbolik diperoleh daripada bentuk-bentuk simbol tertentu seperti perkatan, perlakuan, objek, dan bahasa. Hal ini, simbol perkataan merujuk kepada perkataan yang digunakan sebagai simbol adalah mewakili objek-objek fizikal, perasaan, nilai, fakta dan idea. Perlakuan pula meliputi perbuatan termasuklah yang berdasarkan pemikiran dan niat seseorang. Objek adalah perkara nyata yang dapat dilihat secara fizikal. Manakala Bahasa pula, adalah Bahasa lisan untuk berhubung.

Justeru itu, penggunaan simbol, merupakan perkara penting dalam proses mengenal diri yang menjadi perbandingan dengan sifat keperibadian seseorang manusia. Antara konsep penting dalam teori interaksionisme ialah yang pertama minda atau pemikiran. Hal ini demikian melalui minda, kebolehan seseorang manusia menggunakan simbol yang mempunyai makna sosial yang sama. Manusia mampu mengembangkan pemikiran melalui interaksi. Kedua adalah diri. Hal ini, kemampuan merefleksikan diri sendiri dari perspektif orang lain. Ketiga ialah, masyarakat. Hal ini, interaksi mengambil tempat dalam struktur sosial, budaya, dan masyarakat yang dinamik. Oleh itu, individu lahir dalam konteks sosial yang sudah ada dan fungsi masyarakat sebagai jaringan hubungan sosial antara hubungan manusia.

Pendekatan teori Interaksionisme Simbolik ini pada asasnya menumpukan kepada tindakan dan tingkah laku manusia dalam interaksi sosial. Di samping itu juga, melihat bagaimana masyarakat

bertindakbalas dan mempengaruhi orang lain dalam sesuatu kelompok atau secara individu dengan individu sahaja. Keadaan ini dalam interaksi sosial memerlukan hubungan dengan simbol-simbol dan makna tertentu yang dipelajari dan diterapkan dalam proses sosialisasi. Teori ini sebenarnya memfokuskan kepada individu yang dicorakkan oleh masyarakat. Menurut ahli-ahli perspektif interaksi simbolik menyatakan bahawa individu adalah hal yang paling penting dalam konsep sosiologi dan ia merupakan objek yang boleh ditelaah secara langsung dan dianalisis melalui interaksi dengan individu atau orang lain. Menurut ahli perspektif interaksi simbolik juga, seseorang individu itu akan berinteraksi dengan menggunakan simbol-simbol yang mempunyai tanda-tanda, isyarat dan kata-kata. Hal ini demikian, teori ini sangat penting dalam interaksi sosial. Kerana, makna daripada penggunaan simbol-simbol bukanlah berasal daripada proses mental yang menyendiri tetapi berasal daripada interaksi. Oleh itu, manusia akan mempelajari simbol dan makna di dalam interaksi sosial. Dalam proses interaksi sosial ini manusia secara simboliknya akan mengkomunikasikan makna terhadap orang lain yang terlibat.

Oleh hal yang demikian, melalui teori sosiologi ini pengkaji telah mendapati bahawa terdapat pendekatan-pendekatan yang hadir di bawah teori sosiologi salah satunya ialah pendekatan interaksionisme simbolik. Tujuan pemilihan pendekatan ini adalah sesuai bagi menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji dalam

menjalankan penelitian kajian ini. Di samping itu, pendekatan interaksionisme simbolik masih kurang diberikan perhatian oleh pengkaji sebelumnya bagi menganalisis dan mengkaji bentuk teguran yang terdapat dalam sesebuah karya sastera. Justeru itu, pengkaji menggunakan pendekatan ini adalah untuk meneliti jenis-jenis ungkapan yang digunakan oleh seseorang pengkarya dalam mengkritik serta menegur atau menyindir sesuatu golongan masyarakat dalam karya sastera yang dihasilkan khususnya dalam bidang politik dan sistem pentadbiran semasa.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini mengandungi perbincangan tentang analisis kajian yang telah dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada bab ini pengkaji akan menghuraikan serta membincangkan tentang hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Pada bahagian ini juga, pengkaji akan menjelaskan secara terperinci setiap hujah dan perbincangan dengan pendekatan teori sebagai fokus utama dalam mengkaji dan menganalisis tingkah laku masyarakat khusus dalam bidang politik berdasarkan struktur sosial masyarakat.

#### 4.1 Unsur Dan Elemen Politik Semasa Yang Terdapat Dalam Novel Naratif Ogonshoto Karya Anwar Ridhwan.

##### 4.1.1 Penglibatan Dalam Kancah Politik

Berdasarkan kajian dan penyelidikan ini pengkaji mendapati bahawa unsur dan elemen politik yang terdapat dalam karya Novel Naratif Ogonshoto Anwar Ridhwan (2014) ini yang pertama ialah penglibatan dalam kancah politik.

Hal ini demikian, antara faktor utama berlakunya gerakan politik dalam sesebuah masyarakat ialah wujudnya individu atau sekumpulan komuniti atau masyarakat yang bergiat aktif dalam sesebuah gerakan politik demi memacuh sistem pentadbiran yang ada.

Menurut Joshi (1995) istilah penglibatan telah digunakan dalam pelbagai konteks seperti pembangunan komuniti, pengurusan institusi, operasi, pengurusan, perwakilan, perkerjaan dalam pengurusan industri, mobilisasi sosial dan gerakan politik. Menurut Arnstein (1971) mentakrifkan aspek penglibatan sebagai pembahagian semula kuasa untuk membolehkan penduduk miskin turut serta dalam pemilihan kuasa. Manakala kumpulan perunding daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (1981) pula mendefinisikan penglibatan komuniti sebagai pembentukan peluang yang sama kepada semua ahli komuniti untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembangunan.

Oleh hal yang demikian, konteks penglibatan dalam kancang politik merujuk kepada suatu tindakan sesebuah komuniti atau individu yang melibatkan diri dalam bidang politik secara suka rela berdasarkan tanggungjawab dan pandangan peribadi terhadap faktor pembangunan serta kemajuan yang seharusnya diambil berat dan perhatian sepenuhnya. Demi

mewujudkan sesuatu perubahan yang dapat dinikmati secara bersama dalam impian setiap golongan masyarakat.

Proses penglibatan berlaku apabila sesebuah komuniti atau individu terlibat dalam proses membuat keputusan mengenai sesuatu perkara dan menentukan bagaimana perkara tersebut seharusnya dilaksanakan melalui penglibatan seseorang individu mencebur atau turut serta dalam sesebuah organisasi gerakan politik. Seterusnya bagaimana keuntungan dapat diambil untuk merubah taraf kehidupan serta bagaimana mengagihkanya kepada masyarakat agar orang ramai dapat dilibatkan dalam penilaian sesuatu sistem pentadbiran yang menyediakan komuditii serta infrastruktur yang baik kepada masyarakat. Menurut Klandermans (1984) menjelaskan bahawa penglibatan seseorang individu adalah berkait rapat dengan pemberian peluang untuk mereka yang terlibat.

Oleh itu, seseorang yang terlibat, mereka akan bergiat aktif sekirannya mereka tahu bagaimana untuk terlibat, kerelaan dan inisiatif sendiri untuk terlibat di samping tiada paksaan untuk turut terlibat akan tetapi mempunyai dorongan yang positif daripada persekitaran seseorang individu atau komuniti terlibat dalam kancah politik. Selain itu, penglibatan yang bersifat demokratik dan sukarela dalam kancah politik juga menjadi asas kepada pembentukan semangat keyakinan diri dan akhirnya

memiliki kemampuan untuk berdikari (Mukerji 1961; Mowfort and Munt, 1998; Bowen 2008). Hal ini demikian, setiap organisasi atau jawatankuasa pembangunan yang ditubuhkan melalui gerakan politik yang berjaya dalam pilihan raya akan mempunyai kebebasan untuk menentukan sendiri corak aktiviti pembangunan di kawasan penduduk setempat agar sesuatu matlamat pembangunan yang ditetapkan dapat tercapai serta memenuhi kehendak masyarakat melalui manifesto dalam kempen gerakan politik yang dijalankan.

Menurut Conyers (1982) konsep penglibatan ini merujuk kepada tiga faktor kepentingan individu atau komuniti yang melibatkan diri dalam sesuatu program khusus dalam bidang politik ini, ialah yang pertama, sebagai satu cara untuk mendapatkan maklumat tentang keadaan profil sesebuah komuniti setempat yang ingin dibangunkan, kekurangan keperluan yang diperlukan oleh sesebuah komuniti serta kapasiti sumber ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat setempat. Kedua ialah, individu atau komuniti akan lebih komited kepada pembangunan sekiranya mereka mengaitkan projek mereka. Ketiga ialah, berdasarkan aspek penglihatan daripada ideologi demokrasi, penglibatan penduduk setempat dalam menentukan program pembangunan diri sendiri merupakan hak asasi setiap individu. Oleh hal yang demikian, melalui ketiga-tiga elemen ini

membantu untuk menentukan kejayaan program yang dilaksanakan melalui peningkatan usaha berkerjasama, tolong-menolong dan integrasi dalam kalangan anggota masyarakat setempat.

Menerusi unsur dan elemen politik semasa yang telah dijelaskan melalui aspek penglibatan dalam kancah politik ini, dapat dijelaskan kaitannya dalam petikan yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) pada Bab 1 Kolonial Iaitu;

Dia menyertai parti politik paling popular di Ogonshoto yang didukung pihak polis, tentera dan karyawan umum. Bersama-sama dengan gerakan bintangnya yang naik dengan cepat, melalui orang-orangnya, dia mula mengumpul data tentang kelemahan dan kesihatan pihak atasan parti, termasuklah Presiden ketika itu. Dia mengingat dan membaca kembali kajianya tentang kumpulan haram atau kongsi gelap dahulu, tentang mengambil dan meluaskan kawasan, kaedah menyeksa dan membunuh musuh, hukuman kepada ahli kongsi gelap yang belot dan lain-lain lagi.

Setelah tiga tahun berada dalam kancah politik, dia dilantik sebagai Timbalan Presiden. Enam bulan selepas pelantikan itu, Presiden mati dalam tidurnya. Mayat Presiden disemadikan di makam pahlawan Ogonshoto. Ogonshoto berkabung tiga puluh hari. Dia ditabalkan sebagai Presiden baru.

Antara ucapan pentingnya selepas memegang jawatan Presiden, yang dianggap sangat menentukan falsafah serta corak pemerintahannya, adalah ketika dia mempengerusikan komuniti elit partinya.

(Anwar Ridhwan, 2014: 19)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa sejarah awal bagi watak Presiden melibatkan diri dalam kancang politik. Melalui jalan cerita yang telah digarap oleh Anwar Ridhwan, watak Presiden begitu prihatin dan bertanggungjawab untuk menceburkan diri dalam barisan kepimpinan bagi membangunkan kawasan asal kelahirannya. Menurutnya, watak Presiden yang baharu sahaja menamatkan pengajiannya di Eropah telah mengambil keputusan untuk kembali ke Kampung halamannya. Dalam pada itu, Presiden telah melibatkan diri dalam sebuah gerakan politik yang popular di kampungnya. Semasa mengikuti gerakan politik tersebut, beliau telah mulai mengkaji sistem pentadbiran yang sedia ada, dari segi kekuatan dan kelemahan sistem pentadbiran sehingga dasar kepimpinan yang digalas oleh orang-orang kerajaan. Tujuan beliau melakukan tindakan sedemikian, adalah untuk mewujudkan sebuah sistem pentadbiran yang baru yang lebih cekap dan efektif.

Justeru itu, melalui penglibatan dalam kancang politik ini juga, watak Presiden telah menunjukkan sifat keberanian dan dengan keralaan untuk melibatkan diri dalam gerakan politik di daerahnya. Melalui penglibatan ini, beliau telah menunjukkan sifat kesungguhan kerjaya dalam sistem pentadbiran. Oleh hal yang demikian, melalui kesungguhan ini telah membuatkan

orang ramai percaya akan dasar kepimpinan Presiden dalam sistem urus tadbir dan pembangunan yang dijalankan. Dalam penceritaan ini juga, selepas kemangkatan Presiden sebelumnya, beliau telah dilantik menjadi Presiden yang baharu bagi mengantikannya. Hal ini demikian, jelas menunjukkan tahap kepercayaan dan keyakinan masyarakat daripada watak Presiden begitu tinggi selepas beliau melibatkan diri dan berkhidmat kurang lebih tiga tahun dalam kancang politik. Jelas menunjukkan dalam tempoh berkenaan beliau telah banyak menyumbang bakti kepada masyarakat setempatnya.

#### **4.1.2 Sistem Pemerintahan Ekonomi Kapitalism**

Selain daripada urus tadbir melalui sistem pemerintahan gerakan politik yang telah ditubuhkan, juga dapat dikesan sistem pemerintahan ekonomi kapitalis dalam novel Naratif Ogonshoto Karya Anwar Ridhwan (2014). Sistem ekonomi kapitalis ini juga merupakan suatu tunjang utama dalam sistem pentadbiran. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui sistem urus tadbir gerakan politik yang berlangsung wujudnya aliran ekonomi sebagai modal dalam pembangunan yang dijalankan bagi melicinkan setiap urusan pentadbiran.

Sistem ekonomi kapitalis merupakan satu istilah ekonomi yang menggambarkan pemodal yang berusaha

memaksimumkan keuntungan atas dasar sistem pasaran secara bebas dan terbuka (*Laissez faire*). Menurut Karl Marx dalam penulisan N. Birnbaum (1953) menjelaskan bahawa, sistem ekonomi kapitalis adalah satu sistem pasaran yang bebas dan tiada campur tangan kerajaan ketika pemodal menjalankan urusan mereka. Hal ini demikian, sistem ekonomi kapitalis merupakan satu sistem ekonomi baru setelah proses dekonstruksi dalam hierarki feudal yang berlaku iaitu wujudnya pertentangan golongan kelas antara golongan atasan dan golongan bawahan. Justeru itu, menurut Marx juga, kapitalis boleh dimaksudkan dengan dua situasi iaitu, pekerja dilucutkan atau tiada pemilikan terhadap peralatan penghasilan dan perlu berkerja sendiri demi mendapatkan wang. Kedua, melibatkan pengumpulan peralatan penghasilan di tangan sebilangan kecil orang, yang menggerakkan peralatan tersebut untuk penghasilan produk dengan mengajikan pekerja yang tidak mempunyai harta.

Sejarah awal kemunculan sistem kapitalis atau kapitalisme ini muncul di negara-negara Eropah pada abad ke-16 hingga abad ke-19. Hal ini demikian, pada zaman tersebut wujudnya tiga golongan dalam sistem susun lapis hierarki masyarakat iaitu golongan Raja dan Bangsawan, golongan gereja dan rakyat biasa (feudal). Pihak gereja memiliki

kekuasaan tertinggi dan mereka mempunyai hak khusus untuk mengatur kehidupan ekonomi dan politik yang berjalan, bahkan mereka dapat membatasi kebebasan setiap individu dalam segala aspek kehidupan. Golongan Raja dan Bangsawan pula, merupakan golongan yang mempunyai hak istimewa, sedangkan golongan rakyat biasa dianggap sebagai golongan tanpa hak dan merupakan golongan yang diperintah mengikut dasar-dasar yang tertentu. Hal ini demikian, membuatkan rakyat mendapat layanan yang kejam dan tidak berperikemanusiaan pada ketika itu. Hasil daripada itu, berlakunya revolusi sehingga banyak berlaku perubahan dari aspek ekonomi.

Tiga tahap utama tentang sejarah kapitalis iaitu:

- a) Kapitalisme Awal (Tahun 1500 - 1750)
- b) Kapitalisme Klasik (Tahun 1750 - 1914)
- c) Kapitalisme Lanjut (Tahun 1914 - kini)

Walaupun golongan kapitalis membawa model kapital, tetapi mereka memerlukan keuntungan untuk membesarkan modal mereka. Namun begitu, keuntungan ini dijanakan oleh tenaga buruh dan bukanya kapitalis. Ini bermaksud sesuatu barang atau produk tersebut mempunyai nilai disebabkan oleh tenaga buruh. Oleh itu, berlandaskan pemikiran rasional, seharusnya keuntungan tersebut dibahagikan secara adil

supaya golongan buruh juga dapat menikmati kehidupan yang selesa.

Malangnya keadaan ini tidak berlaku kerana pekerja buruh dibayar gaji yang rendah, mereka terpaksa bekerja dalam persekitaran kerja yang tidak selamat dan terpaksa menghadapi pelbagai bentuk eksloitasi lain supaya kapitalis mendapat keuntungan yang banyak. Hal ini dikatakan demikian kerana, keuntungan yang dijanakan oleh pekerja tidak dapat meningkatkan taraf hidup mereka sendiri.

Hal ini adalah disebabkan oleh kerana sifat kerakusan kapitalis untuk mengaut keuntungan sehingga tahap maksimum serta mengabaikan hak-hak pekerja atau buruh. Justeru itu, bagi mengenal pasti konsep sistem ekonomi kapitalis dengan sistem ekonomi yang lain dapat dikesan melalui ciri-ciri seperti berikut.

**Jadual 2: Ciri-ciri sistem ekonomi kapitalis**

Karl Marx (1945)

Bil.	Ciri Sistem Ekonomi Kapitalis
1.	Individu bebas memiliki pekerjaan atau usaha yang dipandang baik baginya tanpa ada batasan tertentu.
2.	Kerajaan tidak campur tangan dalam kegiatan ekonomi tetapi kuasanya adalah mengawal suasana bebas kepada rakyat dalam kegiatan ekonomi yang diperdagangkan.
3.	Perekonomian diatur oleh mekanisme pasar (pasar bebas dengan pengawasan).
4.	Barang dan hasil pengeluaran produk diperdagangkan secara bebas.
5.	Persaingan dalam pasaran adalah persaingan bebas.
6.	Motif dalam kegiatan ekonomi (pengeluaran, penggunaan, dan pengedaran) adalah secara bebas).
7.	Alat atau produk pengeluaran dimiliki oleh individu.

Namun demikian, disamping penelitian dalam kebaikan dan faedah daripada sistem ekonomi kapitalis yang dijalankan, tetap memberikan kesan yang buruk kepada rakyat atau golongan bawahan. Hal ini kerana konsep-konsep ekonomi kapitalis ini adalah secara bebas dijalankan oleh setiap

pelaksana dan memberikan kesan buruk kepada rakyat dan golongan pekerja mengikut pandangan Karl Marx (1945). Antaranya ialah:

**Jadual 3: Kesan buruk sistem ekonomi kapitalis kepada rakyat dan golongan pekerja Karl Marx (1945)**

<b>Bil.</b>	<b>Kesan Buruk Sistem Kapitalis Kepada Rakyat Dan Pekerja</b>
1.	Kebajikan hidup rakyat tidak terjamin.
2.	Buruh luaran mempunyai kelebihan daripada buruh tempatan.
3.	Penindasan golongan kaya terus kaya dan miskin terus miskin.
4.	Melembabkan pertumbuhan ekonomi negara.
5.	Pengangguran rakyat semakin tinggi.

Hal ini demikian, dapat disimpulkan bahawa sistem ekonomi kapitalis itu bukan sahaja berlaku dalam kalangan pengusaha tempatan atau mana-mana syarikat, akan tetapi mampu berlaku dalam sistem urus tadbir kerjaan yang dibawah oleh setiap golongan pemimpin mahupun jawatankuasa dibawahnya. Sistem ekonomi kapitalis telah digunakan bagi menguasai sumber ekonomi yang besar untuk mendapatkan kepuasan dankekayaan bagi diri sendiri sehingga mengabaikan kepentingan dan hak tenaga buruh. Kabanyakannya kapitalis yang dikuasai dan dijalankan oleh mana-mana pihak gerakan politik

telah menunjukkan suatu penindasan hak pekerja atau masyarakat tanpa disedari.

Menerusi unsur dan elemen politik semasa yang telah dijelaskan melalui aspek sistem pemerintahan ekonomi kapitalis ini, dapat dijelaskan kaitannya dalam petikan yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) pada Bab 1 Kolonial Iaitu;

Biarlah rakyat yang telah salah pilih kapitalisme itu menyerah kepada individu Ogonshoto untuk mentafsir kapitalisme secara betul.

Mereka, orang-orang Presiden itu, semakin percaya mereka mentafsir kapitalisme secara betul. Kedudukan dan peluang digembbleng untuk mengumpul kekayaan. Kalau rakyat menolak kekayaan sebagai tujuan hidup kapitalisme yang mereka pilih sendiri, apa salahnya orang-orang Presiden yang menambah kekayaan untuk keluarga dan anak cucu cicit seratus keturunan?

Bukankah Presiden juga seorang pentafsir kapitalisme gaya Ogonshoto paling unggul? Isterinya bergelar Ju, dalam bahasa Jepun bererti sepuluh, mesti menerima sepuluh peratus komisen dalam setiap urus niaga pemerintah, tentu sahaja komisen secara tidak langsung.

(Anwar Ridhwan 2014: 23)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan sistem kapitalis yang berlaku dalam jurang kehidupan masyarakat di kepulauan Ogonshoto. Hal ini demikian, dasar sistem kapitalisme telah diperkenalkan oleh Presiden sebelumnya kepada masyarakat di Ogonshoto dengan kepentingan dan kemewahan yang mampu dimiliki oleh Presiden dan golongan-

golongan pemerintah di bawahnya. Sistem ini telah menjadi kebiasaan kepada masyarakat di Ogonshoto dan sehingga masyarakatnya tidak sedar akan kekayaan hasil di tempat sendiri dikuasai oleh pihak lain terutama golongan pemerintah.

Selain itu, daripada petikan di atas juga, dapat dilihat menerusi golongan-golongan pemerintah di bawah Presiden atau lebih mudah difahami iaitu orang-orang Presiden. Telah menggunakan kedudukan dan keistimewaan yang dimiliki untuk mengambil kesempatan ini dengan menggembungkan tenaga dan kekayaan daripada masyarakat Ogonshoto. Hal ini demikian, orang-orang bawahan Presiden turut memiliki hasil kekayaan sepanjang pemerintahan. Justeru itu, penulis juga telah menyebutkan tentang isteri kepada Presiden. Menurutnya, isteri kepada Presiden, juga sudah pasti mendapatkan komisen secara tidak langsung terhadap setiap urus niaga pemerintahan yang telah dijalankan.

Oleh hal yang demikian, penulis telah menggarapkan anak Ogonshoto yang telah dilahirkan di pantai Ogonshoto dan membesar dengan ilmu Eropah akan membawa perubahan kepada Negaranya. Dikaitkan dengan cerita dongeng lama Rai-Rapa sebuah peristiwa rebut taufan gila selama ini yang telah terjadi akan diselamatkan oleh seorang anak sakti yang lahir ke dunia demi merubah kehidupan masyarakatnya. Dialah anak itu.

Dia akan membawah perubahan kehidupan masyarakatnya agar tidak ditindas dan dimanipulasikan oleh golongan pemerintah dari luar yang datang menjadi pemerintah di negaranya

Daripada petikan diatas juga, sistem kapitalis yang telah diperkenalkan dan menjadi dasar sistem pemerintahan ekonomi kepada masyarakat Ogonshoto telah menampakkan jurang perbezaan taraf hidup masyarakat yang selalu tertindas, tidak memiliki perubahan serta ketinggalan dari segi kemudahan pembangunan yang dijalankan oleh kerana hasil kekayaan tempatan adalah milik golongan pemerintah. Dengan kewujudan anak Ogonshoto yang berjaya menimba ilmu di Eropah, telah membawah perubahan dan mulai mengkaji kekuatan dan kelemahan sistem pemerintahan kapitalis yang dijalankan oleh Presiden ketika itu.

Beliau telah memberanikan diri untuk menyertai gerakan parti politik yang terkenal di Ogonshoto sehinggalah beliau ditawarkan menjadi sebagai Timbalan Presiden dan akhirnya menjadi Presiden setelah Presiden sebelumnya telah meninggal dunia. Dari situ, beliau memperkenalkan sistem pemerintahan yang bersifatkan demokrasi kepada masyarakat setempat bagi menggantikan sistem pemerintahan kapitalis yang telah dijalankan oleh Presiden dan orang-orangnya selama ini. Namun sungguh

pun begitu, pada awalnya masyarakat masih dalam ketidakbiasaan untuk menerima sistem pemerintahan yang baru kerana lebih terbiasa dengan sifat kehidupan yang sedarhana oleh kerana tanggapan masyarakat di sana bahawa kehidupan sederhana telah mencukupi dan kekayaan yang dimiliki tidak akan dibawa ke dunia selepas mati.

#### **4.1.3 Pemilihan Umum**

Menurut G.J. Wolhoff (1960) mendefinisikan tentang pemilihan umum dengan memulai dari konsep demokrasi. Demokrasi membawa pengertian iaitu pemerintahan rakyat. Hal ini demikian, konsep pemerintahan rakyat adalah untuk rakyat dan keseluruhannya. Sistem pemerintahan demokrasi harus diatur sedemikian rupa sehingga rakyat turut serta dalam pemerintahan secara langsung atau tidak langsung. Oleh hal, sistem pemerintahan demokrasi lebih bersifatkan pilihan rakyat dalam menentukan pemimpin yang akan datang. Melalui sistem demokrasi ini, rakyat merupakan penentu untuk membuat pilihan bagi mencalonkan seseorang wakil yang akan dipertandingkan dalam pilihan umum yang akan berlangsung. Hal ini dapat disimpulkan pandangan dan pendefinisian yang dilakukan oleh Wolhoff adalah konsep Pemilihan Umum adalah suatu mekanisme dalam sistem pemerintahan demokrasi iaitu untuk

memilih wakil rakyat dalam kalangan rakyat sendiri yang akan menggalas tumpuk pemerintahan dengan menjalankan amanat pemerintahan berdasarkan mandat dari rakyat yang telah memilih dan berharap agar wakil yang menjadi pemerintah akan mampu membawa perubahan dan pembangunan kepada rakyat atau masyarakat setempat.

Seterusnya, menurut pandangan dan tafsiran daripada Dahlan Thaib (2009) mengatakan bahawa, Pemilihan Umum adalah suatu proses penggantian kekuasaan secara damai yang dilakukan secara berkala sesuai dengan prinsip-prinsip yang digariskan dalam undang-undang agar tidak berlakunya pemberontakan atau pun perpecahbelahan kaum atau rakyat dalam pemilihan umum yang dijalankan. Oleh hal yang demikian, daripada pendefinisan yang telah dikemukakan oleh Dahlan bahawa konsep pemilihan umum merupakan kegiatan sebahagian daripada gerakan parti politik yang sangat penting dalam proses penyelenggaraan kekuasaan dalam sebuah negara yang menjalankan sistem pemerintahan secara demokrasi. Tambahan pula pemilihan umum ini telah memfokuskan kepada beberapa prinsip nilai seperti kejujuran, amanah dan adil sebagai landasan kepada wakil-wakil yang dipilih atau terpilih agar dapat menjalankan pemerintahan dengan sebaik mungkin tanpa mendeskriminasikan jurang

kedudukan rakyat seperti yang berlaku dalam sistem pemerintahan kapitalis.

Di samping itu, menurut pandangan daripada A. Hamid S. Attamimi (1994). Pemilihan umum merupakan suatu perkara yang akan dijalankan dan perlu diselenggarakan setiap 5 (lima) tahun sekali bagi membuka peluang dan perubahan dalam tumpuk pentadbiran sesebuah negara demokrasi. Hal ini demikian, Attamimi melihat bahawa pemilihan umum merupakan pemilihan yang dilakukan oleh rakyat untuk memberikan kekuasaan kepada pemimpin yang mereka percaya. Oleh itu, pemilihan umum menurutnya bukan merupakan sarana untuk mewujudkan “*Kedaulatan Rakyat*”. Konsep agak berbeza dengan konsep atau definisi dari ahli-ahli lainnya yang menempatkan bahawa pemilihan umum adalah merupakan sarana implementasi kedaulatan rakyat.

Bagi negara Malaysia, selepas peristiwa Perang Dunia Kedua berakhir pada tahun 1945, diikuti dengan pengunduran Tentera Jepun dari Tanah Melayu, semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Tanah Melayu ketika itu amat ketara. Hal ini demikian, belakunya pertubuhan parti-parti politik untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Oleh itu, golongan pemimpin daripada pertubuhan parti ini mendapatkan kuasa melalui Pemilihan Umum atau juga dikenali sebagai

Pilihan Raya yang diadakan untuk menubuhkan sebuah kerajaan baharu.

Tujuan utama parti-parti politik ini bertanding adalah untuk memperoleh jumlah majoriti kerusi di Parlimen (Dewan Rakyat) atau (Dewan Undangan Negeri) supaya membolehkan sesebuah gerakan parti tersebut boleh menubuhkan Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Hal ini demikian, calon-calon yang memperolehi majoriti undi di bahagian yang mereka bertanding akan diisyiharkan menang dan akan menjadi pemimpin yang akan menggerakkan sistem pentadbiran. Namun begitu, terdapat beberapa undang-undang pilihan raya dan peraturan yang telah digubal untuk memastikan prosedur pilihan raya berjalan lancar tanpa sebarang masalah. Undang-undang dan peraturan tersebut adalah:

**Jadual 4:** Undang-undang dan peraturan pilihan raya.

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

<b>Bil.</b>	<b>Undang-Undang Dan Peraturan Pilihan Raya</b>
1.	Perlembagaan Persekutuan
2.	Perlembagaan Negeri
3.	Akta Pilihan Raya , 1958 ( Akta 19 )
4.	Akta Kesalahan Pilihan Raya, 1954 (Akta 5)
5.	Peraturan-peraturan (Penjalanan Pilihan Raya) Pilihan Raya, 1981
6.	Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihan Raya, 2002
7.	Peraturan-peraturan (Mengundi Melalui Pos) Pilihan Raya, 2003

Berdasarkan undang-undang dan peraturan ini adalah berkait secara langsung dengan proses pilihan raya yang dijalankan. Namun, terdapat juga beberapa undang-undang dan peraturan yang tidak berkait secara langsung dengan proses pilihan raya, akan tetapi memainkan peranan penting dalam kelancaran proses semasa berlangsungnya hari pemilihan atau dengan kata lain ialah hari mengundi. Ia termasuklah Akta Polis 1962, Akta Hasutan 1970, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Akta Rahsia Rasmi 1972. Justeru itu, untuk menubuhkan sesebuah kerajaan yang baharu melalui sistem Pemilihan Umum atau Pilihan Raya ini. Terdapat beberapa

proses Pilihan Raya yang perlu dijalankan bagi melicinkan setiap proses dan mampu mewujudkan sebuah kerajaan yang aman dan damai selaras dengan prinsip sistem memerintahan demokrasi.

### **Proses Pemilihan Raya**

Pemilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil bermula dengan pengeluaran writ pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kepada Pegawai Pengurus. Pada masa yang sama satu notis akan diwartakan iaitu menetapkan tarikh-tarikh hari penamaan calon dan hari mengundi. Suruhanjaya Pilihan Raya (2022).

#### **a) Hari Penamaan Calon**

Hari penamaan calon merujuk kepada hari yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bagi calon-calon mengemukakan kertas-kertas penamaan untuk bertanding dalam pilihan raya kepada Pegawai Pengurus. Kertas-kertas penamaan boleh dikemukakan oleh calon, pencadang dan penyokong atau salah seorang daripada mereka. Kertas-kertas penamaan mestilah dikemukakan di antara pukul 9.00 pagi hingga 10.00 pagi pada hari penamaan. Kemudian kertas-kertas

penamaan akan dipamerkan dari jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi untuk diteliti dan bantahan.

### b) Pertaruhan

Pertaruhan yang dimaksudkan ini adalah sejumlah wang yang akan dijadikan sebagai cagaran dalam pertandingan yang dijalankan. Pertaruhan ini berjumlah RM10, 000 bagi kerusi Parlimen dan RM5,000 bagi kerusi Negeri. Wang pertaruhan ini perlulah diserahkan kepada Pegawai Pengurus sebelum atau pada hari penamaan calon. Oleh hal yang demikian, sekiranya calon gagal mendapatkan 1/8 daripada jumlah undi yang diperoleh oleh semua calon yang bertanding, maka wang ini akan hilang atau dikira hangus dalam suatu bahagian pemilihan raya berkenaan.

### c) Penggunaan Simbol

Pada proses ini pula, seseorang calon yang mewakili sesuatu parti politik boleh menggunakan simbol parti jika ia mendapat kebenaran bertulis daripada ketua parti berkenaan. Manakala bagi calon-calon bebas perlu memilih mana-mana simbol yang telah disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk dicetak pada kertas-kertas undi.

#### d) Kempen

Proses seterusnya ialah kempen. Kempen merupakan suatu langkah yang dijalankan oleh calon dan penyokong-penyokong sesebuah parti politik untuk memperkenalkan calon kepada masyarakat dengan manifesto yang akan dibawah oleh calon parti. Hal ini demikian, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah merangka peraturan-peraturan khas untuk berkempen, seperti yang tertera di dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002. Kempen hanya boleh dimulakan selepas selesai proses penamaan calon dan mesti dihentikan jam 12.00 tengah malam dan sebelum hari mengundi. Bagi memastikan pilihan raya berjalan lancar. Hal ini, Suruhanjaya mempunyai kuasa di bawah perkara 3 (5) Akta Pilihan Raya (1958) dan perkara 27 Akta Kesalahan Pilihan Raya (1954) untuk melantik Pegawai Penguin Kuasa dan membentuk satu atau lebih Pasukan-pasukan Penguin Kuasa di setiap bahagian pilihan raya Parlimen, jika difikirkan perlu. Unit ini dianggotai oleh Pegawai Penguin Kuasa yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, seorang wakil dari Ibu Pejabat Polis Daerah, seorang wakil dari Pihak Berkuasa Tempatan dan seorang wakil tiap-tiap parti/calon yang bertanding.

Sehubungan dengan itu, Pegawai Penguin Kuasa bertanggungjawab kepada Pegawai Pengurus, dan tugas

pasukan ini ialah untuk memantau bahan-bahan kempen, ceramah-ceramah pilihan raya dan perhimpunan umum. Hal ini kerana, bagi memastikan peruntukan-peruntukan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya tidak dilanggar. Sebagai maklumat tambahan, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga akan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat Pusat/Negeri/bahagian-bahagian pilihan raya bagi memberikan penerangan kepada parti-parti politik, calon-calon atau ejen-ejen dan petugas-petugas parti mengenai undang-undang dan peraturan pilihan raya. Oleh itu, senarai perkara yang mesti dipatuhi dan dilarang semasa pilihan raya disediakan, dan ini perlu diambil ingat oleh calon-calon dan petugas-petugas parti agar tidak melanggar mana-mana Akta Pilihan Raya. Sekiranya mana-mana calon atau parti yang melanggar Akta Pilihan Raya ini akan dikenakan denda serta disingkirkan atau dibatalkan penyertaan dalam pertandingan Pilihan Raya.

#### e) Hari Mengundi

Proses seterusnya ialah hari mengundi. Hari mengundi adalah merujuk kepada hari pemilih-pemilih (masyarakat) membuang undi. Hal ini demikian, secara rasmi hari mengundi bermula dari pukul 8.00 pagi sehingga pukul 5.00 petang dan setelah itu akan berlangsungnya proses pengiraan undi.

Seterusnya, pengumuman keputusan pilihan raya akan dijalankan selepas jam 12.00 malam. Namun demikian, waktu membuang undi ditetapkan dari jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang di seluruh Malaysia. Bagi kawasan-kawasan pedalaman, unit-unit bergerak digunakan bagi memastikan kelancaran membuang undi. Selain dari itu, waktu membuang undi mungkin berbeza antara daerah-daerah. Suruhanjaya Pilihan Raya biasanya akan mengeluarkan notis untuk memaklumkan orang ramai tentang perkara-perkara penting pilihan raya seperti:-

1. Tarikh mengundi.
2. Lokasi tempat mengundi.
3. Waktu mengundi di semua tempat mengundi.
4. Lokasi pusat pengiraan dan penjumlahan undi.

### **Kelayakan Calon**

Dalam sistem Pilihan Raya di Malaysia, calon yang bertanding boleh mewakili sesuatu parti atau pertandingan sebagai calon bebas. Hal ini demikian, seseorang itu layak menjadi calon dalam mana-mana pilihan raya jika memenuhi syarat-syarakat berikut;

**a) Pilihan Raya Dewan Rakyat**

- I. Seorang warganegara Malaysia dan bermastautin di dalam Persekutuan (Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan) semasa pencalonan.
- II. Berumur tidak kurang daripada lapan belas (18) tahun pada hari penamaan calon.

**b) Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri.**

- I. Seorang warganegara Malaysia dan bermastautin di negeri di mana dia bertanding.
- II. Berumur tidak kurang daripada dua puluh satu (21) tahun atau lapan belas (18) tahun berdasarkan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri / Undang-Undang Tubuh Kerajaan / Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan / Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan negeri masing-masing pada hari penamaan calon.

**Hilang Kelayakan Menjadi Calon**

- I. Didapati atau disahkan sebagai orang tidak sempurna akal.
- II. Seseorang bankrap yang belum lepas.

III.Seseorang itu apabila telah memegang “Jawatan berpendapatan”.

IV.Seseorang itu apabila telah dicalonkan untuk pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri atau menjadi Ejen Pilihan Raya kepada orang yang telah dicalonkan, dia telah gagal untuk mengemukakan penyata perbelanjaan pilihan raya seperti yang dikehendaki oleh undang-undang di dalam masa dan cara yang dikehendaki.

V.Didapati telah mendapat kewarganegaraan atau telah menggunakan hak kewarganegaraan atau telah membuat pengakuan taat setia kepada mana-mana negara asing.

VI.Seseorang yang telah disabitkan dengan kesalahan oleh mahkamah di dalam Persekutuan (atau sebelum hari Malaysia di kawasan-kawasan Sabah atau Sarawak atau Singapura) dan dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun atau didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit Malaysia (RM2,000.00) dan belum menerima pengampunan.

Menerusi unsur dan elemen politik semasa yang telah dijelaskan melalui aspek pemilihan umum ini, dapat dijelaskan kaitannya dalam petikan-petikan yang terdapat dalam novel

Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) pada Bab 2

Jeneral laitu:

Petikan 1;

Kira dan congak itulah yang menyebabkan mata politik Jeneral memilih Ture. Sebaik-baik sahaja bersara dan mendapatkan kartu penduduk awam, dia menganggotai parti politik pemerintah. Matlamat jangka pendeknya hanyalah untuk menggantikan wakil dalam pemilihan umum yang akan datang. Matlamat jangka panjangnya, untuk terus mendapatkan kedudukan dan penghormatan sebagai seorang Jeneral, juga imbuhan-imbuhan kewangan yang akan datang serentak.

(Anwar Ridhwan 2014: 32)

Berdasarkan perikan di atas, watak Jeneral yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) menunjukkan seorang pesara tentera yang telah berkhidmat dalam angkatan bersenjata. Hal ini demikian, sebulan sebelum hari persaraan beliau dalam angkatan tersebut, beliau telah memilih Ture sebagai alamat tempat kelahirannya semasa proses penggantian kad identiti ketenteraannya.

Setelah mendapatkan kad identiti kependudukan awam, watak Jeneral telah menyertai gerakan parti politik pemerintah yang terdapat di Ture dengan maklamat ingin menggantikan kedudukan atau jawatan Wakil Dewan Presiden yang sudah tua dan mulai nyanyuk. Oleh itu, melalui penceritaan ini,

menunjukkan suatu tahap dalam proses atau syarat pencalonan pemilihan umum, seseorang yang ingin menjadi calon dalam pemilihan umum yang bertanding di sesuatu kawasan, seharusnya mempunyai taraf kependudukan dan bukti asal menduduki kawasan tersebut. Hal ini kerana, sekiranya seseorang gagal menunjukkan bukti asal kependudukan, maka seseorang calon tidak dibenarkan untuk menyertai pertandingan sekaligus akan dibatalkan dalam senarai calon yang bertanding.

Seterusnya, unsur dan elemen politik semasa yang telah dijelaskan melalui aspek pemilihan umum ini, dapat dijelaskan kaitannya dalam petikan-petikan yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) pada Bab 2 Jeneral Iaitu:

Petikan 2;

Seminggu selepas itu, pegawai kanan tersebut meletakkan jawatan. Ketika berucap dalam jamuan perpisahan, di hadapan wartawan akhbar dan televisyen Ogonshoto, dia menyatakan hasratnya untuk mewakili parti pemerintah dalam pemilihan umum yang akan datang.

(Anwar Ridhwan 2014: 36)

Watak pegawai kanan yang dikatakan dalam novel Naratif Ogonshoto merupakan seorang Pegawai Kanan Pemerintahan Provensi Ture. Berdasarkan penceritaan yang telah disampaikan oleh Anwar Ridhwan, watak Pegawai Kanan yang telah bertahun-tahun berkerja dan menetap di Ture,

mengambil kesempatan untuk menanamkan pengaruhnya terhadap penduduk-penduduk kampung dan sekitar pekan Ture. Dapat ditafsirkan lagi, perwatakan Pegawai Kanan merupakan seorang yang sederhana, mesra dan selalu menghulurkan bantuan kepada penduduk-penduduk sekitar Ture.

Namun demikian, beliau telah meletakkan jawatan sebagai Pegawai Kanan Pemerintah disebabkan hasrat ingin mengikuti pertandingan dalam pemilihan umum akan datang, bagi mengantikan kedudukan Wakil Dewan Presiden yang sudah uzur. Hasrat dan harapan ini juga mendapat sokongan daripada Wakil Dewan Presiden yang mengatakan bahawa Pegawai Kanan sudah lama dalam sistem pentadbiran Ture dan sudah pasti mengetahui selok-belok strategi dalam membangunkan Ture. Oleh sebab itu, beliau meletakkan jawatannya dalam pemerintahan provensi Ture. Berdasarkan penceritaan ini, perbuatan dan sikap yang diambil oleh Pegawai Kanan meletakkan jawatannya dalam pemerintahan merupakan suatu proses dan syarat yang seharusnya diambil oleh calon yang bertanding dalam pemilihan umum. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui syarat kelayakan pencalonan seseorang yang ingin bertanding dalam pemilihan umum, haruslah tergolong daripada individu yang bukan memegang atau menjawat dalam "Jawatan Berpendapatan". Sekiranya

seseorang individu didapati memegang mana-mana jawatan yang berpendapatan, maka kelayakan pencalonan akan dibatalkan.

Akhir, unsur dan elemen politik semasa yang telah dijelaskan melalui aspek pemilihan umum ini, dapat dijelaskan kaitannya dalam petikan-petikan yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) pada Bab 2 Jeneral laitu:

Petikan 3;

Mesyuarat yang dipengerusikan Tuan Wakil berjalan lancar. Sebelum melangkah ke agenda pemilihan yang merupakan puncak mesyuarat, Tuan Wakil berkata, kita berehat tiga puluh minit, minum kopi dulu. Ada beberapa suara meminta pemilihan diteruskan, tapi jawabnya Tak perlu bimbang apa-apa. Kita sama-sama boleh mengagak siapa yang akan menang, sambal matanya memandang jeneral.

(Anwar Ridhwan 2014: 41)

Tuan Wakil yang dimaksudkan dalam cerita ini merujuk kepada watak Wakil Dewan Presiden. Seperti yang diperkatakan sebelum ini, Wakil Dewan merupakan seseorang lelaki yang sudah tua dan mulai nyanyuk serta tidak mampu untuk meneruskan perjuangannya dalam sistem pemerintahan atas faktor kesihatan beliau. Sehubungan dengan itu, beliau ingin mengundurkan diri dalam sistem pemerintahan dan

mengadakan pilihan umum untuk mencari calon baharu bagi menggantikan kedudukannya.

Di samping itu, beliau juga merupakan Pengurus kepada Majlis Mesyuarat yang diadakan semasa sesi pemilihan calon. Daripada penceritaan petikan di atas, dapat dirujuk sebagai suatu proses dan syarat dalam pemilihan umum. Hal ini dikatakan demikian kerana, salah satu syarat Pemilihan Umum yang diadakan seharusnya wujud sebuah Majlis Mesyuarat atau Persidangan bagi pengumuman pemilihan calon yang bakal menggantikan jawatan serta bakal menjalankan pemerintahan seterusnya sepanjang suatu tempoh yang berkenaan. Majlis Mesyuarat ini penting dijalankan sepanjang proses pemilihan agar sesuatu agenda dapat dilaksanakan dengan berjalan lancar. Proses mesyuarat ini bukan sahaja berlaku secara umum akan tetapi mengikut gerakan parti politik yang bertanding agar dapat merancang strategi kempen yang dijalankan supaya mampu mempengaruhi pemikiran dan pengikut daripada masyarakat dengan lebih lagi. Berdasarkan petikan-petikan di atas, jelas menunjukkan beberapa konsep Pemilihan Umum atau Pilihan Raya yang dijalankan bagi mewujudkan sistem pemerintahan demokrasi.

#### 4.1.4 Kedudukan Sosial.

R.J Stalcup (1968) telah mendefinisikan kelas sosial sebagai “*A level in society made up of people consider themselves equal due to similarities in family background, level of education, occupation, race, and attitudes toward social issues*”. Menurut Rohand Meighan (1986) menjelaskan bahawa, walau apa cara sekali pun pendefinisan kelas sosial, ia tetap menggambarkan perbezaan cara hidup atau pendapatan di dalam sesuatu bangsa yang sama. Menurut Karl Marx (1968) pula, seorang tokoh sarjana, menyatakan bahawa kelas sosial adalah kategori individu yang mempunyai hubungan yang sama terhadap punca-punca pengeluaran serta hubungan pengeluaran seperti sistem pengagihan dan pertukaran. Karl Marx telah mengkategorikan masyarakat kepada tiga kelas atau golongan iaitu:

**I.Golongan kapitalis** atau berjuis iaitu mereka yang menguasai tanah dan pengeluaran.

**II.Golongan menengah** yang terdiri daripada pegawai pemerintah.

**III.Golongan proletar** iaitu mereka yang terdiri daripada buruh.

Hal ini demikian, ahli-ahli sosiologi yang ada sehingga kini termasuklah tokoh sarjana sosiologi iaitu Max Weber (1905). Bersetuju bahawa, terdapat lima lapisan kelas sosial yang boleh dibeza-bezakan mengikut golongan kelas iaitu, golongan atasan, pertengahan atas, pertengahan bawah, pekerja dan bawah.



**Rajah 2:** Struktur Lapisan Kelas Sosial oleh Max Weber (1905)

Berdasarkan rajah yang terdapat di atas, bentuk piramid dipilih bagi membuktikan dengan mudah terhadap struktur lapisan kelas sosial yang dinyatakan oleh para sarjana.

**a) Golongan atasan:** Golongan ini terdiri daripada orang kaya dan juga ahli-ahli korporat. Hasil kekayaan yang dimiliki merupakan hasil titik peluh mereka.

- b) Pertengahan atasan:** Terdiri daripada orang yang berpendidikan tinggi, profesional dan memegang jawatan yang baik di dalam sesuatu organisasi. Mampu memiliki kemewahan kerana mempunyai pendapatan yang tinggi dan lumayan.
- c) Kelas pertengahan bawah:** Mereka yang terdiri daripada lulusan sekolah menengah dan sedikit pemegang sijil dan diploma. Mereka ini tidak sehebat seperti golongan pertengahan atasan. Namun, mereka banyak memberi tumpuan terhadap pendidikan anak-anak mereka dengan harapan anak mereka mempunyai masa depan yang lebih baik dan terjamin dengan adanya pendidikan.
- d) Kelas pekerja:** Terdiri daripada pekerja yang mempunyai latar belakang pendidikan PMR sehingga SPM. Kebanyakannya golongan ini berkerja dengan menggunakan kemahiran yang dimiliki seperti buruh binaan, tukang paip, kerja kilang, pemandu dan sebagainya.
- e) Golongan bawahan:** Terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan yang sangat rendah dan ada juga yang tidak pernah langsung melalui pendidikan secara formal. Golongan ini selalunya akan berkerja dan mendapatkan hasil untuk kegunaan secara peribadi dan tidak menghasilkan pengeluaran yang banyak. Contohnya seperti

nelayan dan petani. Mereka hanya berkerja untuk kelangsungan hidup mereka.

Melalui pengelasan sosial ini, secara tidak langsung telah mewujudkan jurang kemasyarakatan di antara individu di dalam sesebuah kelompok masyarakat. Hal ini demikian, satu pendekatan untuk memperlihatkan hubungan kelas sosial, pendapatan dan ciri-ciri mereka yang terlibat telah dikemukakan oleh Daniel W. Rossides (1976). Walaupun ia menggambarkan struktur kelas sosial di Amerika Syarikat pada abad ke-20 ketika itu, namun ianya sedikit sebanyak memberikan gambaran tentang pengekelasan sosial dalam masyarakat di negara ini.

Di Malaysia, selepas zaman penjajahan berakhir, ciri-ciri kelas sosial dalam masyarakat semakin berkembang. Masyarakat menilai kedudukan dan status individu melalui pencapaian pendidikan, kemahiran, pendapatan, harta yang dimiliki, keturunan, kedudukan politik, kuasa atau autoriti yang dimiliki, asal usul ras dan etnik, sumbangan terhadap negara seperti mempunyai rekod-rekod peringkat Malaysia atau dunia, pencapaian di dalam sukan, anugerah atau darjah kebesaran yang dimiliki dan lain-lain yang berkaitan. Oleh hal yang demikian, persepsi atau pandangan individu terhadap kelas sosial begitu ketara pada masa kini. Seseorang individu yang mempunyai kuasa dan duit yang banyak akan dipandang tinggi

di dalam masyarakat berbanding individu yang bekerja di ladang getah, bersawah atau makan gaji. Senario ini disebabkan oleh ketidakseimbangan pencapaian di antara individu di dalam sesebuah kelompok masyarakat dan secara tidak langsung telah mewujudkan suatu tingkat kedudukan atau status sosial.

Kedudukan atau status sosial ini merujuk kepada posisi seseorang secara umum dalam hubungannya dengan orang lain. Harus diingat bahawa, masyarakat dikenali sebagai kumpulan individu yang saling berinteraksi dan mempunyai budaya yang sama membentuk sesebuah komuniti. Kedudukan sosial adalah tempat simbolik yang menempatkan seseorang dalam skema masyarakat dan mencerminkan keadaan subjek dari anggota masyarakat yang lain. Hal ini demikian, untuk semua ini kita boleh mengatakan bahawa mana-mana orang akan mempunyai kedudukan sosial atau yang lain berdasarkan beberapa latar belakang seperti usia, jantina, asal usul, tahap pendidikan, status perkahwinan, pencapaian dalam perniagaan, kekayaan, dan tingkah laku. Namun begitu, dari segi pandangan lain, kebiasaanya kedudukan sosial dapat difahami sebagai kelas sosial, yang merupakan hasil stratifikasi masyarakat. Stratifikasi yang dimaksudkan itu ialah, sebuah tanggapan yang dilakukan oleh sebilangan ahli komuniti mengikut ekonomi. Iaitu semakin banyak kekayaan yang dimiliki oleh seseorang, maka

semakin tinggi tingkat kelas sosial dalam piramid struktur lapisan kelas sosial.

Di samping itu, kedudukan seseorang individu dalam sesebuah kelompok masyarakat dapat dikaitkan dengan pandangan yang dikemukakan oleh beberapa tokoh sarjana barat iaitu, fahaman Karl Marx dan Max Weber terhadap falsafah yang dikemukakan oleh Ralph Linton tentang pengaplikasian kelas sosial yang mampu dimiliki seseorang individu. Hal ini, kelas sosial ini berlaku disebabkan oleh status individu yang berbeza-beza di dalam sesebuah masyarakat. Individu di dalam masyarakat memperolehi statusnya melalui tiga cara seperti yang berikut:

**a) Ascribed Status:** iaitu kedudukan yang diperolah secara optimis atau sendirinya tanpa memerhatikan jurang perbezaan rohaniah dan kemampuan atau pun sebarang usaha yang dilakukan. Status ini mampu diperoleh sejak kelahiran seseorang individu. Sebagai contoh, status yang diperolehi sejak lahir seperti gelaran bangsawan dan keturunan.

**b) Achieved Status:** iaitu kedudukan yang diperoleh seseorang dengan usaha-usaha yang disengaja. Status ini tidak diperoleh atas dasar keturunan, akan tetapi tergantung pada kemampuan individu dalam mencapai matlamat dan tujuan

dalam hidupnya. Sebagai contoh, kedudukan yang diperoleh melalui pendidikan dan bakat.

c) **Assigned Status:** iaitu merupakan kombinasi dari perolehan status secara optimis dan status yang diperolehi melalui usaha yang rajin serta tekun dalam sesuatu kerja. Status ini diperoleh melalui penghargaan atau pemberian daripada pihak lain, di atas perjuangan dan kepentingan sesuatu yang telah dilaksanakan dengan jayanya.

Namun demikian, dalam sesebuah kelompok masyarakat pada masa kini, seseorang individu mampu mempunyai beberapa status kedudukan sosial mahu pun secara langsung atau tidak langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana, seseorang yang mempunyai status kedudukan secara langsung seperti berketurunan daripada golongan yang berada dan mempunyai tahap pendidikan yang tinggi serta mempunyai pekerjaan yang bagus di samping memiliki kedudukan sosial secara tidak langsung iaitu berkahwin dan menjadi seorang suami serta bapa kepada anak-anaknya. Oleh hal yang demikian, beragam status yang dimiliki seseorang dapat menimbulkan pertentangan atau konflik status (*status conflict*). Konflik status adalah konflik batin yang dialami oleh seseorang sebagai akibat adanya beberapa status yang dimilikinya yang saling bertentangan.

Jadi daripada pendefinisian dan fahaman yang telah disampaikan, kedudukan sosial seseorang individu itu dapat dikenal pasti melalui beberapa faktor dalam sesebuah tingkat lapisan masyarakat. Menerusi unsur dan elemen politik semasa yang telah dijelaskan melalui aspek kedudukan sosial ini, dapat dijelaskan kaitannya dalam petikan-petikan yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) pada Bab 2 Jeneral laitu:

Petikan 1;

Parti politik pemerintah menyediakan kedudukan dan kemewahan seumpama itu. Sebab itu jeneral tidak menyertai parti pembangkang. Menyertai atau menjadi pembangkang, kata orang samalah seperti mencampakkan diri sendiri ke dalam kawah gunung berapi di Ogonshoto.

(Anwar Ridhwan 2014: 32)

Kedudukan sosial yang dapat dikenal pasti melalui petikan di atas adalah, suatu tingkat lapisan kelas sosial. Iaitu watak Jeneral yang telah bersara daripada angkatan bersenjata telah menceburkan diri dalam bidang gerakan parti politik pemerintah demi memperoleh tingkat kehidupan yang lebih sempurna. Hal ini demikian, sekiranya seseorang calon yang Berjaya dalam pilihan umum akan mendapatkan kuasa dan bertanggungjawab sebagai pemerintah. Di samping menjalankan tugas dan amanah sebagai pemerintah, calon tersebut akan mampu memiliki kehidupan yang sempurna dari

segi penghormatan daripada pandangan masyarakat yang diperintah. Seterusnya mampu menikmati kehidupan yang lebih selesa iaitu dengan menguasai sumber kewangan dan kekayaan daripada pelbagai program yang dilaksanakan.

Seterusnya, unsur dan elemen politik semasa yang telah dijelaskan melalui aspek kedudukan sosial ini, dapat dijelaskan kaitannya dalam petikan-petikan yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) pada Bab 2 Jeneral Iaitu:

Petikan 2;

Pegawai kanan itu pulang dengan penuh rasa gembira. Tuan Wakil akan bersara daripada politik. Jeneral pula nampaknya belum bersedia mencebur politik Ture secara serius. Jeneral malah membayangkan, dia akan menggantikan tempat Tuan Wakil tua dan nyanyuk itu. Dia pun mula berfikir untuk meletakkan jawatan sebagai pegawai pemerintah, dan akan mengucapkan selamat tinggal kepada pejabat, mesyuarat bertali arus, birokrasi kacau pendapatan terbatas.

(Anwar Ridhwan 2014: 36)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa suatu perubahan kedudukan sosial sekiranya seseorang calon menceburkan diri dalam bidang politik. Menerusi bidang politik seseorang individu mampu merubah taraf kehidupan yang lebih sempurna dan selesa. Hal ini demikian, watak Pegawai Kanan yang telah digarapkan oleh penulis, menjelaskan bahawa,

sebelumnya ia telah berkerja sebagai Pegawai Pemerintah merujuk kepada golongan kelas pertengahan atasan. Namun demikian, sistem pentadbiran dalam bidang pekerjaan sebelumnya tidak memberi kepuasan yang sepenuhnya kepada watak Pegawai kanan iaitu sistem pentadbiran yang berat sebelah, tidak adil, dan gaji yang minimum. Oleh sebab itu, watak Pegawai Kanan ingin meletakkan jawatannya dalam bidang pekerjaannya dan ingin mengikuti pencalonan Pemilihan Umum yang akan datang, agar mampu menggantikan kedudukan watak Tuan Wakil Dewan Presiden dengan matlamat dan tujuannya untuk mendapatkan kehidupan yang lebih sempurna.

Selain itu juga, melalui karya novel ini terdapat beberapa golongan kelas lapisan sosial masyarakat seperti watak Presiden sebagai golongan kelas atasan. Watak orang-orang Nakhoda dan pekerja-pekerja kapal merujuk kepada golongan kelas pekerja. Seterusnya watak masyarakat pesisir pantai merujuk kepada nelayan-nelayan kecil sebagai golongan bawahan.

#### 4.1.5 Manifesto Dalam Kempen

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 994) manifesto ialah pengisytiharan kepada orang ramai tentang dasar (tujuan, dll) sesuatu parti politik sebelum pilihan raya dan lain-lain. Dalam erti kata lain, manifesto ialah dasar-dasar, deklarasi, halatuju parti, janji-janji secara bertulis sama ada dalam media cetak atau media elektronik sebagai tetapan mahu pun rujukan masyarakat sebelum hari pengundian dijalankan. Hal ini demikian, manifesto boleh dianggap sebagai sebuah karya yang mengandungi amanat sama ada yang bersurat mahupun yang tersirat, serta mewakili hajat calon sama ada secara individu mahu pun secara kolektif.

Perkara seumpama ini pernah disuarakan oleh Noraini Abdul Shukor (2016) bahawa dalam hasil penciptaan manifesto, terdapat makna yang ingin disampaikan oleh pengarang atau penyampai. Makna yang ingin disampaikan tersebut merupakan struktur dalaman yang dijelmakannya melalui struktur luaran. Struktur dalaman merupakan makna tersirat yang disampaikan melalui suatu penanda. Oleh itu, dalam hal pembikinan karya manifesto, penanda bagi struktur dalaman dan struktur luaran perlu berjalan seiring bagi membolehkan penerimaan mesej atau hasrat parti tercapai.

Justeru itu, sebelum sesuatu manifesto digarap, penghasil manifesto (si pengkarya atau calon) perlu memikirkan bagaimana untuk memasang strategi bagi mempengaruhi pengundi untuk memangkah parti mereka. Salah satu strateginya ialah melalui penggunaan bahasa yang gramatis, dan mudah ditafsir secara langsung (eksplicit) dan elakkan unsur kecaburan. Hal ini kerana, ayat yang panjang lebar seakan membuat karangan bagi pelajar sekolah mampu menyukarkan pemahaman maksud manifesto (implisit) yang ingin disampaikan khusunya kepada golongan tua dan masyarakat yang tidak mendapat pendidikan secara formal.

Penghasil manifesto perlu mempertimbangkan setiap perkataan, frasa dan ayat, lenggok bahasa, dan paling penting ialah persembahan susun atur imej dalam manifesto (secara pandangan tersurat), biarlah menarik perhatian pembaca untuk membaca sehingga selesai. Penggunaan unsur leksikal dan nahu yang tepat sangat berkuasa untuk menarik perhatian pembaca lalu mempengaruhi pola pengundian bagi sesebuah gerakan parti politik. Ini bermakna, bahasa tulisan perlulah tepat, jelas, dan elakkan unsur ketaksaan. Jika ada ayat, frasa atau ayat yang berunsur taksa (tersirat) sekalipun, pastikan maklumat-maklumat non-linguistik mencukupi dan mampu diterjemah oleh kognisi atau pemahaman pembaca.

Menurut pandangan dan tafsiran yang terdapat melalui Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay Dictionary, mendefinisikan manifesto sebagai "*Publication containing public declaration by a political party, ruler, etc of principles and policy*". Bermakna manifesto merupakan pengisytiharan awam berkaitan dengan dasar atau prinsip sesuatu parti politik sebelum pilihan raya, tentunya ini merujuk kepada peramalan kemungkinan alternatif yang menjadi kerangka bertindak berkaitan dengan dasar serta prinsip yang akan dilaksanakan oleh sesebuah parti politik.

Manifsto pilihan raya dianggap sebagai "Janji" yang ditawarkan oleh sesebuah parti politik untuk dilaksanakan secara mutlak sebaik sahaja sesebuah parti politik itu menang dalam pilihan raya atau umum dan mendapatkan kuasa membentuk kerajaan. Hal ini demikian, sesebuah manifesto yang ditawarkan dan dijanjikan kepada masyarakat, akan menjadi pengaruh yang kuat kepada sesebuah gerakan parti untuk mendapatkan sambutan serta pengundi yang ramai. Oleh itu, sesebuah manifesto yang dilakukan dan dijanjikan haruslah besesuaian dengan kehendak dan persepsi umum masyarakat terutama sekali dalam memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat dalam sektor pembangunan dan kemajuan taraf kehidupan.

Dalam aspek pandangan lain, manifesto juga wujud dalam dua keadaan yang berbeza, iaitu keadaan yang dapat dijangka dan keadaan di luar jangkaan. Hal ini, kedua-dua keadaan ini akan menyebabkan wujudnya data, fakta dan maklumat yang berbeza. Merujuk pada peringkat awal manifesto dihasilkan, pasti akan wujudnya pertentangan antara keperluan pelaksanaan dengan keperluan tuntutan semasa yang berlaku. Daripada hakikat ini, memungkinkan berlakunya gangguan ke atas strategi dan tindakan, sama ada dalam bentuk mikro mahu pun dalam bentuk makro berhubung dengan usaha untuk merealisasikan maksud yang terkandung di dalam manifesto yang dirangka.

Secara logiknya, daripada keadaan-keadaan ini maka wujudnya kesukaran untuk memastikan ketepatan pelaksanaan kandungan manifesto dapat dicapai secara seratus peratus dalam tempoh yang ditetapkan. Sebagaimana sasaran pada peringkat awal manifesto diwujudkan. Maka dalam hal ini, pertimbangan empat kuadran iaitu mengutamakan yang utama perlu diambil kira dalam proses pembuatan keputusan berkaitan dengan pelaksanaan manifesto, iaitu; perkara penting yang perlu disegerakan, perkara penting tapi tidak perlu disegerakan, perkara tidak penting tapi perlu disegerakan dan perkara tidak penting yang tidak perlu disegerakan.

Di samping itu, pertimbangan lain yang wujud dalam usaha pelaksanaan manifesto ini ialah, pengaruh daripada faktor-faktor persekitaran yang sentiasa berubah. Hal ini demikian, faktor-faktor ini merujuk kepada kedudukan ekonomi antarabangsa, realiti ekonomi domestik dalam negara, perkembangan sosial, peraturan, undang-undang, prosedur, realiti politik serta pelbagai unsur lain yang mampu mempengaruhi perubahan terhadap kesan kepada usaha pelaksanaan manifesto. Faktor-faktor pengaruh perubahan luaran ini, akan mengakibatkan wujudnya keperluan untuk menjalankan pengubahsuaian strategi pelaksanaan berdasarkan tuntutan keperluan dan perkembangan semasa. Oleh itu, sekiranya tindakan pengubahsuaian tidak dilakukan, sudah pasti akan menimbulkan banyak masalah serta gangguan yang mampu memudaratkan sistem sosial, proses pengurusan dalam pentadbiran dan ekologi ekonomi yang boleh memberikan kesan buruk terhadap prestasi pembangunan dan kemajuan sesebuah negara.

Jadi daripada pendefinisan dan fahaman yang telah disampaikan, manifesto dalam kempen itu dapat dikenal pasti sebagai suatu bahagian dalam unsur dan elemen politik semasa yang berlaku sehingga kini. Oleh itu melalui aspek manifesto dalam kempen pilihan umum, dapat dijelaskan kaitannya dalam

petikan yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) pada Bab 2 Jeneral laitu;

Akan tetapi dalam tempoh itu orang-orang kepercayaan jeneral terus berkempen. Fokus mereka diperkecilkan hanya kepada para anggota komiti parti provensi serta ahli keluarga mereka. Disebut tentang rancangan membina pengkalan dan pelabuhan baharu Ture, pembinaan sekolah menengah, menaikkan taraf jalan Ture-Runakita, dan membina kawasan pelancongan antara Ture dan gunung berapi Rai-Rapa. Kek keuntungan kelak yang akan dibahagi sama rata kepada anggota komiti adalah berupa bot-bot mewah, kereta buatan Jerman dan sejumlah wang. Tetapi jangan lupa pujuk mereka, untuk memilih jeneral kerana hanya jeneral satu-satunya yang punya upaya dan kebolehan membangunkan Ture.

(Anwar Ridhwan 2014: 36)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan beberapa manifesto yang telah diwujudkan oleh watak Jeneral dan dijalankan oleh orang-orang bawahannya semasa menjalankan kempen kepada masyarakat. Antara kandungan manifesto tersebut ialah, rancangan membina pangkalan dan pelabuhan baharu Ture, pembinaan sekolah menengah, menaikkan taraf jalan Ture-Runakita, dan membinan kawasan pelancongan antara Ture dan gunung berapi Rai-Rapa. Tambahan pula, sekiranya kawasan pelancongan yang didirikan dan menghasilkan keuntungan, Jeneral akan mengagihkan keuntungan tersebut secara sama rata kepada penduduk sekitar pesisir pekan Ture dengan pemberian bot-bot

mewah, kereta buatan jerman dan sejumlah wang sebagai keperluan kepada penduduk Ture. Namun demikian, semuanya akan mampu dimiliki dan dinikmati sekiranya masyarakat memberikan sokongan penuh terhadap Jeneral yang diundi dan dipilih menjadi ganti kedudukan Tuan Wakil Dewan Presiden.

Di samping itu, daripada petikan di atas juga telah memperlihatkan pengubahsuaian strategi terhadap fokus atau ruang lingkup manifesto yang disampaikan di sebabkan beberapa faktor pengaruh luar yang menjadi impak terhadap manifesto yang dijalankan. Iaitu dengan mencakupkan atau diperkecilkan titik fokus manifesto disampaikan kepada para anggota komiti parti provensi sendiri serta ahli keluarga mereka. Tujuan pengubahsuaian dan strategi ini dijalankan disebabkan ahli komiti dan ahli kelurga merupakan orang yang terdekat dan mudah untuk dipengaruhi dan menyebarkan pengaruh kepada masyarakat lain. Sekiranya ahli komiti atau ahli keluarga parti sendiri tidak menyokong atau tidak memahami matlamat gerakan parti yang sebenar maka matlamat sesebuah parti juga masih gagal untuk memberikan penjelasan dan pandangan daripada masyarakat umum.

## 4.2 Bentuk Ungkapan Dan Teguran Politik Semasa Yang Digunakan Dalam Novel Naratif Ogonshoto Karya Anwar Ridhwan.

Novel ini telah membawa beberapa persoalan khusus dalam perspektif sosial tentang kediktatoran pemimpin yang berlaku dalam sistem pentadbiran sesebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Hal ini demikian, berlakunya pertentangan di antara pemimpin dan golongan rakyat yang memaparkan kekejaman watak Presiden dalam mempertahankan legasi atau kedudukannya.

Watak Presiden yang terdapat dalam karya ini juga telah digarapkan oleh pengarang dengan sesungguhnya sebagai seorang Presiden Republik Ogonshoto yang mendukung amalan politik Machiavelli iaitu “matlamat menghalalkan cara”. Namun demikian, telah memberikan tekanan sehingga konsep pemerintahannya menimbulkan sifat kebencian dan ketidakpuashatian rakyat terhadapnya.

Oleh itu, penelitian pengkaji dalam naskah novel ini, telah menggunakan beberapa jenis bentuk ungkapan dan bentuk teguran politik semasa daripada masyarakat yang ditujuhkan kepada pihak pemimpin. Berikut merupakan analisis makna siratan daripada bentuk teguran yang disampaikan berdasarkan penggunaan ungkapan sebagai perlambangan dalam karya mengikut teori sosiologi sebagai pendekatan dalam interaksionisme simbolik.

#### 4.2.1 Belut Selat Morauka



**Gambar 1:** Belut Laut (*Anguilliformes*)

Sumber: Internet

(<https://images.app.goo.gl/ncP7rT4KLktvepi77>)

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, belut merupakan jenis ikan kosumsi air tawar dengan bentuk tubuh yang bulat dan memanjang. Belut matang memiliki ukuran yang bervariasi dari lima (5) cm sehingga empat (4) meter tergantung pada spesiesnya. Ikan ini tidak memiliki sirip pelvis, dan beberapa spesies tidak memiliki sirip pektoral. Hal ini kerana, belut mempunyai sirip dorsal dan sirip anus bersatu dengan sirip ekor membentuk satu sirip yang panjang di sepanjang tubuhnya. Belut memakan anak-anak ikan yang masih kecil. Belut biasanya hidup di kawasan sawah-sawah, di rawa-rawa/lumpur, di kali-kali dan juga laut dalam. Justeru itu, darah Belut cenderung besifat beracun bagi manusia dan haiwan lain, namun toksinnya dapat dimatikan dengan cara memasaknya. Negara Jepun diiktiraf sebagai negara pengeluar sumber Belut

di dunia. Oleh hal, negara Jepun merupakan negara yang banyak menjalankan aktiviti penternakan dan pengkomersialan Belut kepada negara-negara Eropah.

Di samping itu, sifat Belut merupakan spesies predator ganas yang aktif di malam hari. Haiwan ini dapat mengambil oksigen secara terus daripada udara dan mampu hidup berbulan-bulan tanpa air, asalkan persekitarannya adalah basah dan lembab. Belut bersifar kanibal atau saling memangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana, belut yang berukuran besar akan memangsa Belut yang berukuran lebih kecil. Haiwan ini akan menjadi haiwan yang berbahaya bagi lingkungan yang bukan habitatnya serta menjadi kanibal apabila jumlah makanannya sangat terbatas.

Selat Morauka merujuk kepada kata nama tempat yang dicetuskan oleh pengkarya dalam Republik Ogonshoto. Selat merupakan sesebuah kawasan perairan yang sempit tetapi masih boleh dilalui dengan kemudahan seperti kapal dan perahu. Kebiasaannya, selat mampu dilihat dengan kehadiran perairan diantara dua daratan yang membentuk pulau dan sebagainya. Sifat selat mampu menjadi tumpuan pelbagai spesies hidupan laut, dengan keadaan kawasan yang mendapat pukulan ombak yang rendah dan terlindung daripada rebut angin monsun. Menjadikan ianya sebagai pilihan bagi hidupan akuatik

untuk berlindung dan membiak. Namun, keadaan yang begitu baik membuatkan wujud pemangsa selalu hadir ke kawasan tersebut untuk memburu spesies hidupan lain sebagai sumber makanannya.

Manusia sudah pasti berbeza dengan Belut. Namun demikian, sifat Belut mampu disamaartikan dengan sifat segelintir manusia. Hal ini demikian, manusia dan Belut memiliki persamaan antara tingkat adaptasi yang tinggi terhadap lingkungannya dan sifatnya yang berbahaya bagi lingkungan sekitarnya. Selain persamaan tersebut, ternyata manusia memiliki sifat yang mirip dengan sifat Belut, secara fiziknya, tubuh Belut sangat licin sehingga susah untuk ditangkap, manusia pula memiliki sifat kelalaian sehingga susah untuk dikendalikan.

Tambahan pula, sifat belut secara fiziknya dapat memakan sesamanya, manusia juga memiliki kemampuan untuk saling melenyapkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, persamaan antara segelintir sifat manusia dan sifat Belut mampu diadaptasikan dengan gelaran manusia itu adalah seperti Belut. Bertubuh kecil tetapi licin dan licik.

Menerusi pandangan dan penjelasan di atas, Belut Selat Morauka mampu disimbolikkan kepada ciri dan sifat segelintir

pemimpin dalam gerakan politik semasa. Namun sebelum itu, penggunaan ungkapan Belut Selat Morauka dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) dapat dilihat melalui petikan pada Bab 1 Kolonial iaitu;

Tetapi Presiden, bagi mereka yang tidak menyukainya, juga mempunyai gelaran lain. Mereka mencari dan memberikan gelaran itu kepada Presiden. Entahlah, sama ada Presiden pernah mendengar gelaran itu atau tidak. Bermacam-macam gelarnya. Belut Selat Morauka kerana bertubuh licin dan licik, yang walaupun pernah merantau ke tempat lain, sampai musimnya akan pulang semula ke lantai Selat Morauka juga.

(Anwar Ridhwan 2014: 07)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan penggunaan ungkapan kata nama Belut telah digunakan oleh penduduk sekitar Ogonshoto sebagai kata ganti nama kedua kepada watak Presiden. Hal ini demikian, watak Presiden yang digarapkan oleh pengarang dalam novel ini, dengan secara kreatif memberi pengungkapan yang halus dan padat sebagai bentuk teguran yang telah membawa persamaan dengan segelintir sifat pemimpin di dunia pada masa kini. Sifat dan watak kepimpinan yang ditunjukkan oleh watak Presiden sudah cukup menggambarkan sifat segelintir pemimpin yang suka mengambil kesempatan terhadap insan-insan yang lemah.

Justeru itu, watak Presiden yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto telah memperlihatkan sifat pemimpin yang

selalu menyalahgunakan kedudukan dan peluang yang ada untuk mengumpul kekayaan sebagai kepentingan diri sendiri.

Sehubungan dengan itu, keadaan sifat segelintir pemimpin dalam pentadbiran pada masa kini telah semakin ketara dan menonjol dalam hubungan masyarakat. Sehingga masyarakat rasa tersisih dan terbeban dengan kerana berokrasi yang selalu dihadapi oleh masyarakat ketika berurusan dengan orang atasan mahu pun dengan penjawat awam yang lain.

Ini kerana sikap pemimpin sendiri yang menjadi contoh dan terbawah kepada sifat orang-orang yang berkerja di bawahnya. Oleh itu, pengkarya cuba mencetuskan gelaran-gelaran yang seumpama dengan sikap dan sistem pentadbiran yang diamalkan sesetengah pemimpin di negara ini.

Ini bukan sahaja memberi kesan buruk kepada masyarakat sendiri bahkan kepada orang luar yang memandang terhadap sistem pentadbiran negara dengan kewujudan pemimpin yang penuh sikap angkuh dan kelalaian seperti Belut yang mampu mengancam spesiesnya sendiri.

#### 4.2.2 Dewa Badak



**Gambar 2:** Badak Air (*Hippopotamus Amphibius*)

Sumber: Internet

(<https://images.app.goo.gl/AZ9KvN9RBQPXqp1x7>)

Menerusi pandangan dari segi keagamaan, menurut Kay Suhaimi (2020). Orang Mesir Kuno menyembah sekurang-kurangnya 1,500 Dewa dan Dewi. Hal ini demikian, beberapa daripadanya seperti mumia Osiris dan dewi penyembuh agaib Isis, sangat terkenal pada ketika itu sehingga kini. Namun, dalam mitos Mesir, terdapat Dewa Taweret atau juga dikenali dengan panggilan lain iaitu *Taurt*, *Tuat*, *Taouris*, *Tuart* dan *Ta-weret*. Dewa Taweret merupakan Dewa Mesir bagi kelahiran dan kesuburan. Nama Taweret membawah erti “Dia Yang Agung” atau ringkasnya “Yang Agung”. Dewa Taweret merupakan jelmaan Dewa Badak Air. Oleh itu, dapat ditafsirkan tubuh Dewa Taweret terdiri daripada bahagian-bahagian tubuh haiwan yang

dipilih secara rawak. Dewa Taweret memiliki badan dan kepala Badak Air yang sedang hamil. Memiliki ekor seperti ekor Buaya dan anggota badan lain terdiri daripada tubuh badan Singa. Sememangnya pemujaan Taweret biasanya dilakukan di rumah sahaja dan bukanya di kuil-kuil besar. Namun, tetap juga wujud kuil-kuil kecil yang khusus buat Taweret di Deir el-Medina.

Justeru itu, Badak Air dalam sejarah Mesir Purba dapat dijejaki seawal zaman Pra-Dinasti sekitar 3,100 SM. Ia muncul dalam pelbagai hasil seni seperti ukiran patung, ukiran dinding, lukisan, mahupun karya literasi. Antara penemuan awal tersebut ialah melalui pembuktian sesebuah patung Badak Air yang terawal dijumpai iaitu di sesebuah kampung kecil yang terletak di antara El-Zagazig dan Bubastis dipercayai sudah berusia 1938-1539 sebelum masihi. Ia kini disimpan dan dipamerkan di Muzium Brooklyn. Dipercayai patung tersebut digunakan sebagai tangkal yang dilekatkan pada sebatang lembing. Tujuannya, tidak lain dan tidak bukan, adalah bertujuan untuk mendapatkan tuah dalam aktiviti perburuan.

Selepas tahun 3,000 SM, aktiviti memburu Badak Air mula dijadikan sebagai aktiviti lazim bagi golongan istana. Hal ini kerana, ia mula dilihat sebagai cara memperagakan kekuatan dan kegagahan sama seperti aktiviti memburu haiwan buas yang lain seperti Singa, Harimau ataupun Gajah. Maka

semenjak itu, motif seni berkaitan aktiviti memburu Badak Air mula memasukkan imej Firaun. Hal ini demikian, motif sebegini menyimbolkan kejayaan Firaun dalam mengembalikan keamanan, memandangkan Badak Air sememangnya dilihat sebagai simbol kekacauan terhadap kediaman penduduk dan sungai sebagai tempat mendapatkan sumber protein serta kegunaan domestik lain. Ia bahkan dikaitkan dengan Seth, Seteru Horus. Selain dipuja, dan diburu Badak Air juga dipelihara oleh masyarakat Mesir Purba untuk memenuhi keperluan industri dan dikorbankan untuk tujuan keagamaan.

Menerusi pandangan secara saintifik, Badak Air merupakan sejenis haiwan mamalia darat yang ketiga terbesar selepas Gajah dan Badak Sumbu. Badak air adalah haiwan separa akuatik besar yang boleh didapati di kawasan Afrika Sub-Sahara. Sifat Badak Air adalah berendam sepanjang masa di dalam air. Badak air juga mempunyai torso seperti tong yang besar, mulut yang boleh terbuka luas dengan gading taring yang besar, serta badan yang hampir tidak berbulu. Justeru itu, Badak Air jantan dewasa boleh mencapai berat sehingga 1,500 kg, manakala betina boleh mencapai berat sehingga 1,300 kg.

Selain itu terdapat juga beberapa sifat lain mengenai Badak Air ini iaitu bersifat kewilayahannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, Badak Air memang mempamerkan tingkah

laku kewilayahannya, tetapi hanya apabila berada di dalam air dan bukan di darat. Air adalah persekitaran yang lebih selamat untuk Badak air, mungkin disebabkan oleh kurangnya pemangsa. Oleh itu, peristiwa terpenting dalam hidup mereka, seperti mengawan dan melahirkan anak, berlaku di dalam air. Untuk menandakan wilayah mereka, Badak air membuat bunyi hon atau dengusan di dalam air.

Seterusnya sifat lain Badak Air adalah tidak suka dengan cuaca panas. Badak air kerap kelihatan di dalam air. Tetapi ia bukan kerana panas terik. Tujuannya adalah untuk melindungi kulit mereka yang sangat sensitif daripada cahaya matahari. Apabila Badak Air terdedah kepada cahaya matahari terlalu lama, kulitnya akan merembeskan cecair berminyak kemerahan. Hal ini dikatakan demikian kerana, rembesan ini digelar sebagai "peluh darah." Walau bagaimanapun, ia bukan peluh atau darah, kerana Badak air tidak mempunyai sebarang kelenjar peluh pada kulitnya. Cuma ianya sebagai tanda dan bukti bahawa Badak Air tidak suka akan cuaca panas. Oleh sebab itu, Badak Air banyak menghabiskan masa duduk berendam di dalam air. Tambahan pula, sifat Badak Air merupakan sejenis haiwan yang kuat makan disebabkan tubuh yang agak besar.

Menerusi pandangan dan penjelasan di atas, Badak Air mampu disimbolikkan kepada ciri dan sifat segelintir pemimpin

dalam sistem politik semasa. Namun sebelum itu, penggunaan ungkapan Dewa Badak dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) dapat dilihat melalui petikan pada Bab 1 Kolonial iaitu;

Dewa Badak seperti dongengan Rai-Rapa, iaitu dewa menyerupai badak yang tidak pernah berasa kenyang sehingga kalau boleh, lahar gunung berapi pun ingin disantapnya. Ada empat lima gelaran lagi yang hodoh-hodoh dan busuk-busuk. Begitu hodoh dan busuk sampai kalam, dakwat dan kertas tidak berdaya mencatatnya.

(Anwar Ridhwan 2014: 8)

Berdasarkan petikan di atas, pengkaji mendapati bahawa, pengkarya telah menggunakan ungkapan perkataan Dewa Badak sebagai simbolik kepada sifat Presiden yang menjadi pemerintah Ripublik Ogonshoto pada ketika itu. Hal ini demikian, menerusi sudut dimensi sosiologi, watak Presiden mampu disamaartikan dengan sifat Badak Air yang begitu mementingkan diri sendiri. Ungkapan Dewa membawa maksud, Presiden yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan sebagai pemerintah dalam sistem pentadbiran. Oleh hal yang demikian, rakyat atau masyarakat menghormati dan tunduk kepadanya.

Di samping mendapatkan perhatian dan penghormatan daripada masyarakat sekeliling, watak Presiden telah mengambil kesempatan terhadap hak dan keistimewaan masyarakat melalui kedudukannya. Watak Presiden telah

mengaut keuntungan secara peribadi dan meminggirkan kehendak dan keperluan masyarakat. Sehingga suara-suara masyarakat tidak didengari oleh Presiden dalam penuntutan hak yang sepatutnya mampu dimiliki dan dinikmati oleh masyarakat yang ada di kepulauan Ogonshoto.

Menerusi penggunaan ungkapan Badak pula membawa maksud, sikap Presiden yang terlalu tamak dan haloba dalam memiliki harta kekayaan sendiri telah memberikan kesan terhadap pembangunan dan kemajuan Repubik Ogonshoto jauh ketinggalan daripada negara-negara Eropah yang lain. Justeru itu, dapat dikaitkan dengan sifat Badak Air yang bersifat kewilayah, iaitu menjadi penguasa sepenuhnya dasar sistem pentadbiran yang berkonsepkan sistem kapitalisme. Namun demikian, terdapat juga selitan pengkarya bahawa, sifat Presiden merupakan seorang pemimpin yang tidak mesra dan kurang menjalankan tinjauan terhadap penduduk-penduduk masyarakat di sekitar kepulauan Ogonshoto. Ini dapat disama ertikan dengan sifat Badak Air yang tidak sukakan cuaca panas. Iaitu Presiden merupakan seorang pemimpin yang jarang untuk melakukan pemerhatian dan tinjauan secara dekat kepada masyarakat, bahkan Presiden tidak tahu penderitaan yang dialami oleh masyarakat selama ini.

#### 4.2.3 Cengkerang Tiram



**Gambar 3:** Cengkerang Tiram (*Crassostrea*)

Sumber: Internet

(<https://images.app.goo.gl/Kt4nRD19yUsVGjkCA>)

Menurut pandangan daripada Syifa Saputra (2020) dalam karya bukunya yang bertajuk *Wilayah Pesisir yang Terpadu untuk Ketahanan Nasional* ada menjelaskan bahawa, cengkerang kerang merupakan lapisan luar yang agak keras bagi hidupan akuatik jenis siput dan berfungsi untuk melindungi dirinya yang bersifat lembut serta menjadikanya sebagai tempat tinggal bagi segala jenis siput atau kerang yang memiliki Cengkerang. Kata nama Cengkerang, merupakan gabungan dua kata iaitu “Ceng” membawa erti Cengkang ialah kulit kerang yang berada pada lapisan luar dan membentuk pepejal keras serta tebal. Manakalah perkataan “Kerang” membawa pengertian sejenis

haiwan yang separa akuatik iaitu boleh bernafas secara terus di darat dan di dalam air. Kulit kerang atau Cengkerang kebiasaannya mempunyai bermacam saiz, bentuk dan warna. Terdiri daripada bentuk simetri dan mempunyai telulang di luar yang nyata. Tambahan pula, Cengkerang atau Kulit Kerang ini mudah didapati dan banyak dijumpai di kawasan-kawasan pantai dan sungai seluruh dunia.

Menurut Kamus Dewan Edisi yang Keempat, Tiram adalah sejenis haiwan bercengkerang dengan kulitnya agak leper dan memiliki daging (isi) yang berkelori rendah serta mengandungi kalsium juga vitamin A. Spesies kerang Tiram merupakan kerang paling terkenal dan termahal kerana mampu menghasilkan mutiara secara semula jadi. Nama umum Tiram digunakan bagi beberapa kumpulan *Mollusk Dwicengkerang* yang berlainan habitat seperti laut dan air payau. Struktur Tiram terdiri dari dua kerangka kalsium yang mengelilingi isi yang lembut. Seterusnya mempunyai insang sebagai penapis plankton daripada air dan otot adukator digunakan bagi mengekalkan kerangka tertutup.

Sifat Tiram merupakan pemakan plankton. Hal ini, ia menarik air melalui ingsangnya dengan denyutan *cilia*. Manakala, plankton ialah makanan terapung bagi semua jenis kerang dan *partikle* terperangkap dalam mukus ingsang, dan

dari situ dipindahkan ke mulut, di mana ia dimakan, dihadam dan disingkir sebagai najis. Aktiviti permakanan adalah tertinggi bagi Tiram apabila suhu air melebihi 50 °F (10 °C). Hal ini demikian, Tiram yang sihat terdiri daripada Tiram yang memakan *algae* dan zat bawaan air yang lain. Tiram bernafas sama seperti ikan, menggunakan kedua-dua ingsang dan jubah. Jubah ini diselaputi dengan salur darah berdinding halus yang kecil dan menarik oksigen dari air serta menyingkirkan karbon dioksida.

Terdapat tiga kumpulan asas tiram, iaitu *spesies Ostrea*, *spesies Crassostrea* dan *spesies Saccostrea*. Spesies *Crassostrea* dan *Saccostrea* kebanyakannya tinggal dalam zon antara pasang surut sementara spesies *Ostrea* biasanya adalah sub pasang surut (*subtidal*). Tabiat hidup dan habitat Tiram pula merujuk kepada tunjang (*keystone species*), iaitu memberi habitat bagi pelbagai jurang kehidupan laut yang luas. Disebabkan Tiram mempunyai permukaan kulit yang keras dan mempunyai rongga antara Cangkerang. Secara tidak langsung telah memberikan tempat bagi kebanyakan haiwan kecil tinggal seperti *buran anemonesteritip*, dan kerang cangkuk (*hooked mussels*) yang menggunakan terumbu Tiram sebagai habitat. Kebanyakan haiwan ini menjadi makanan kepada haiwan lebih besar, termasuklah ikan seperti *striped bass*, *black drum*, dan *croakers*.

Terumbu tiram mampu merangkumi 50% luas permukaan berbanding dasar pantai rata yang luas. Tiram menyumbang kepada kualiti air yang lebih baik melalui keupayaan penapisan makan. Bentuk tiram matang sering kali bergantung kepada jenis permukaan di mana ia melekat pada asalnya, tetapi ia sentiasa menyelaras dirinya dengan Cangkerang luaran akan berkembang condong ke atas atau melengkung dan satu Cangkerang lagi adalah rata. Hal ini, Cangkerang Tiram pada bahagian bawah air akan terbuka secara berkala bagi membenarkan Tiram mencari makan.

Di samping itu, Tiram terbahagi kepada beberapa jenis yang boleh dimakan secara terus dan dimasak. Antara Tiram yang boleh dimakan, kebanyakannya tergolong dalam genera *Ostrea*, *Crassostrea* dan *Ostreola* atau *Saccostrea*. Sebagai contoh, tiram yang boleh dimakan ialah, *Ostrea Edulis*, *Tiram Batu Sydney* dan *Tiram Barat Crassostrea Virginica*. Seterusnya, terdapat juga Tiram yang tidak boleh dimakan. Ini kerana Tiram yang tidak boleh dimakan merupakan Tiram yang tergolong dalam spesies Tiram yang hanya menghasilkan mutiara sahaja. Seperti Tiram jenis *Pteriidae* (Tiram Bulu Ayam), dan *Pinctada Maxima* air masin. Sehubungan dengan itu, Tiram bukan sahaja boleh dimakan atas kandungan kalsium yang tinggi sesuai dengan tumbesaran manusia, dan mutiara yang

boleh didagangkan. Akan tetapi kulit Cengkerang tiram juga berguna dalam penghasilan kraftangan sebagai perhiasan dan bagi industri pembangunan. Cangkang Tiram boleh digunakan sebagai bahan gantian atau campuran dalam pembuatan konkrit.

Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan pengusaha atau jurutera pada masa kini telah menggunakan kulit-kulit Cengkarang sebagai bahan campuran dalam pembinaan sesuatu bangunan konkrit disebabkan kulit-kulit Cengkerang berpotensi untuk menambahkan kemampatan atau kekuatan simen. Selain itu juga, terdapat beberapa arkitek landskap atau pereka landskap telah menggunakan kulit-kulit Cengkerang dalam senireka penyusunan halaman sebagai bahan gantian batu untuk diletakkan pada permukaan tanah bagi meningkatkan struktur kekuatan tanah dan kebiasannya ianya digunakan sebagai hiasan laluan pejalan kaki.

Menerusi pandangan dan penjelasan di atas, Cengkerang Tiram mampu disimbolikkan kepada ciri dan sifat segelintir pemimpin dalam sistem politik semasa. Namun sebelum itu, penggunaan ungkapan Cengkerang Tiram dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) dapat dilihat melalui petikan pada Bab 2 Jeneral iaitu;

Dia tidak mengiraukan sangat tentang orang-orang yang kurang berguna, yang mendapat limpahan cahanya kerana beberapa simpulan Bahasa Rai-Rapa telah menggambarkan peri hubungan antara mutiara yang diperdagangkan dengan daging dan cengkerang tiram yang dibuang.

(Anwar Ridhwan 2014: 28)

Semenjak kemunculan Jeneral di Ture, Pegawai kanan berasa tersaing dan membenci akan kehadiran Jeneral yang cuba menutup peluangnya untuk mendapatkan kedudukan dan jawatan sebagai Tuan Wakil Dewan Presiden Ture. Hal ini demikian, disebabkan hadirnya Jeneral di daerah Ture, dan harapan yang sama untuk mendapatkan kedudukan tersebut. Mereka perlu bertanding dalam pilihan umum yang akan datang. Sehubungan dengan itu, sepanjang kempen dan manifesto yang dijalankan oleh kedua watak tersebut, timbulah beberapa fakta dan pengungkapan yang dijadikan simbolik untuk menjatuhkan antara satu sama lain demi mendapatkan sokongan dan kepercayaan daripada masyarakat Ture. Ungkapan tersebut ialah Cengkerang Tiram yang diberikan oleh watak Pegawai Kanan kepada Watak Jeneral.

Menerusi pandangan dari sudut sosiologi, watak Jeneral adalah seorang yang peramah dan pemurah dalam novel Naratif Ogonshoto. Dia seringkali melawat dan memberikan sumbangan kepada orang-orang miskin sekitar daerah Ture.

Selain itu, watak Jeneral juga adalah seorang yang bijak dalam mengatur strategi politik. Sebagai contoh, sebaik sahaja Jeneral bersara dalam angkatan bersenjata.

Dia memilih Ture untuk dijadikan sebagai kawasan kediaman dan kependudukannya dengan sebab sistem politik yang lemah iaitu dengan kewujudan watak Tuan Wakil yang uzur dan tiada pembangunan. Tambahan pula, dia menggunakan teknik ketenteraannya untuk menggembirakan Pegawai Kanan, bahawa dia belum bersedia untuk bertanding dalam pilihan umum. Ini membuatkan Pegawai Kanan terlalu lalai dan tidak cekap dalam bertindak membuatkan dia kehilangan kepercayaan daripada masyarakat Ture. Pegawai Kanan terlalu marah dan memberi gelaran Cengkerang Tiram kepada Jeneral sebagai simbolik terhadap Jeneral adalah anak yang terbuang dan dibesarkan di tempat lain.

Namun begitu, daripada penelitian dan kajian yang telah dijalankan pengkaji, mendapati bahawa ungkapan perkataan Cengkerang Tiram yang diigunakan oleh pengkarya telah membawa beberapa makna di sebaliknya sebagai simbolik teguran dan sindiran kepada golongan pemimpin politik semasa. Dari segi pandangan positifnya, tekstur permukaan Cengkerang Tiram yang keras mampu menjadi simbolik kepada seseorang

pemimpin yang mempunyai hati yang kental dan mental yang kuat dalam menjalankan sistem pentadbiran.

Tambahan pula, jika diolah dengan kreatif, Cengkerang Tiram boleh dijadikan sebagai bahan kraftangan dengan nilai yang tinggi dan berharga. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai sesebuah karftangan yang berunsurkan alam memiliki nilai yang tinggi dan mampu mencapai ratusan ringgit jika dijual. Oleh itu, dapat dikaitkan dengan nilai keperibadian seseorang pemimpin dalam sistem pentadbiran. Sekiranya seseorang pemimpin mempunyai keperibadian yang bagus dan baik. Masyarakat akan menghormati, menghargai serta taat kepada golongan pemimpin.

Namun demikian, sekiranya pemimpin mempunyai keperibadian yang lemah, mudah goyah dan hilang kepercayaan pada diri sendiri. Mampu mengakibatkan seseorang pemimpin akan mudah dipijak oleh masyarakat sendiri seperti Cengkerang Tiram yang digunakan oleh arkitek landskap untuk memampatkan kondisi atau struktur tanah bagi laluan pejalan kaki. Oleh itu, untuk menjadi seseorang pemimpin haruslah mempunyai keberibadian yang tinggi seperti mental yang kuat dan hati yang kental sepanjang menjalankan amanah dalam sistem pentadbiran.

#### 4.2.4 Tuna Tua



**Gambar 4:** Ikan Tuna (*Thunnus Sp*)

Sumber: Internet

(<https://images.app.goo.gl/ozwPLtKFQbE7XEP78>)

Dalam Bahasa Latin, Tuna dikenali sebagai *Thunnus Sp* dan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *Skipjack*. Menurut Ditjen dari Pusat Perikanan (1983).Tuna merupakan jenis ikan laut pelagis yang termasuk dalam keluarga *Scombroideae*. Tubuh ikan ini seperti cerutu, mempunyai sirip punggung, sirip depan yang biasanya pendek dan terpisah dari sirip belakang. Seterusnya mempunyai jari-jari sirip tambahan (*finlet*) di belakang sirip punggung dan sirip dubur. Kemudian mempunyai sirip dada, sirip perut dan sirip ekor bercagak agak ke dalam memenuhi ruang seluruh hujung ekor. Tubuh Ikan Tuna ini tertutup oleh sisik-sisik kecil yang berwarna biru tua dan agak gelap pada bahagian atas tubuhnya. Tambahan pula, tubuh

Tuna sebahagian besarnya memiliki sirip tambahan yang berwarna kuning cerah dengan pinggirnya berwarna gelap.

Menurut pandangan dari Djuhanda (1981). Dari segi komposisi gizi Ikan Tuna. Ikan Tuna merupakan jenis ikan dengan kandungan protein yang sangat tinggi dan kandungan lemak yang rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana, ikan Tuna mengandung protein antara 22,6 -26,2 gram/100 gram daging. Lemak antara 0,2-2,7 gram/100 gram daging. Di samping itu, ikan Tuna mengandung mineral kalsium, fosfor, besi dan sodium, vitamin A (*Retinol*) dan vitamin B (*Thiamin*, *Riboflavin* dan *Niasin*) yang tinggi sesuai dengan tubuh dan tumbesaran manusia.

Menurut Nontji (2002) pula, Tuna termasuk spesies ikan perenang cepat dan terkuat di antara ikan-ikan yang berangka tulang. Beliau juga berpendapat bahawa, akibat daripada spesies Ikan Tuna yang sangat pantas dan kuat menyebabkan penyebaran Ikan Tuna ini terdapat dari laut Merah, ke laut India, Malaysia, Indonesia dan sekitarnya. Hal ini demikian, Tuna adalah ikan yang membentuk gerombolan atau kumpulan dan hidup di perairan tropis sampai subtropis. Aspek yang luar biasa dari fisiologi Tuna adalah kemampuannya untuk menjaga suhu tubuh lebih tinggi daripada suhu lingkungan.

Sebagai contoh, Tuna Sirip Biru dapat mempertahankan suhu tubuh dari 75-95 °F (24-35 °C), dalam air dingin bersuhu 43 °F (6 °C). Namun demikian, tidak seperti makhluk endotermik yang lainnya seperti mamalia dan burung. Ikan Tuna tidak dapat mempertahankan suhu tubuhnya dalam kisaran relatif sempit.

Menurut Junianto (2003) pula, Tuna adalah ikan laut yang terdiri daripada beberapa spesies dari keluarga *Scombridae*, terutama *Genus Thunnus*. Ikan ini adalah perenang handal (pernah diukur mencapai 77 km/jam). Tidak seperti kebanyakan ikan yang memiliki daging berwarna putih dan daging Tuna berwarna merah muda sampai merah tua. Hal ini karena otot Tuna lebih banyak mengandung *myoglobin* dari pada ikan lainnya. Beberapa spesies Tuna yang lebih besar, seperti Tuna Sirip Biru (*Thunnus Maccoyii*), dapat menaikkan suhu darahnya di dalam suhu air yang lebih sejuk dengan aktiviti ototnya. Hal ini, menyebabkan mereka dapat hidup di air yang lebih dingin dan dapat bertahan dalam kondisi yang beragam. Oleh itu, semakin besar sesuatu saiz tubuh Ikan Tuna, maka akan memiliki nilai komersial yang semakin tinggi.

Menurut Kuncoro dan Wiharto (2009). Ikan Tuna terdiri daripada beberapa jenis yang lainnya. Antaranya ialah, Tuna Mata Besar (*Thunnus Obesus*), Tuna albakor (*Thunnus Alalunga*), Tuna Sirip Biru (*Thunnus Maccoyii*), Tuna Sirip

Kuning (*Thunnus Albacares*), dan Tuna Gigi Anjing (*Gymnosarda Unicolor*).

Menurut Kamus Dewan Edisi yang Keempat, makna tua merujuk kepada sifat sesuatu hidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana, tua merujuk kepada sesuatu yang sudah lama hidup, sudah lanjut usia (tidak muda lagi) dan sudah berumur. Namun terdapat juga, pendefinisian terhadap perkataan tua adalah istilah bagi orang-orang lama yang lebih bijak dan berpengalaman. Akan tetapi mempunyai daya tenaga yang semakin lemah dan membongkok tidak seperti orang yang masih muda.

Menerusi pandangan dan penjelasan di atas, Tuna Tua mampu disimbolikkan kepada ciri dan sifat segelintir pemimpin dalam sistem gerakan parti politik semasa. Namun sebelum itu, penggunaan ungkapan Tuna Tua dalam novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) dapat dilihat menerusi petikan dalam Bab 2 Jeneral iaitu;

Seorang musuh politiknya, Tuan Wakil itu, boleh dianggap akan mati sendiri seperti Tuna Tua tidak berdaging tercungap-cungap di lantan perahu nelayan.

(Anwar Ridhwan 2014: 32)

Menerusi penelitian dan penjelasan yang telah diberikan oleh pengkarya dalam novel Naratif Ogonshoto. Watak Tuan

Wakil Dewan Presiden merupakan orang kanan Presiden dan wakil dewan Presiden dalam sistem pentadbiran Republik Ogonshoto di Ture. Namun demikian, sifat dan perwatakan Tuan Wakil merupakan seorang lelaki yang sudah tua dan mulai nyanyuk membuatkan, Pegawai Kanan telah memberi gelaran kepadanya sebagai Tuna Tua disebabkan, kedudukan dan jawatannya sangat tinggi serta berpengalaman dalam sistem pentadbiran Ture.

Sehubungan dengan itu, menerusi sudut dimensi sosiologi, watak Tuan Wakil yang mendapat gelaran dan ungkapan kata Tuna Tua mampu disamaartikan dengan sifat ikan Tuna yang begitu pantas dan prihatin terhadap masyarakat Ture. Hal ini demikian, melalui garapan pengkarya dalam cerita novel Naratif Ogonshoto, tidak ada sesiapa pun yang mampu menggantikan kedudukan dan jawatan Tuan Wakil disebabkan ketangkasan dan kerja dalam sistem pentadbiran serta pembangunan Ture membuatkan masyarakat terus percaya akan dirinya sehingga Tuan Wakil menjadi seorang tua dalam sistem pentadbiran Ture.

Oleh hal yang demikian, disebabkan keadaan yang semakin uzur dan mula sakit-sakit. Tuan Wakil tidak dapat menjalankan sepenuhnya kerja-kerja sebagai pemimpin Ture

lagi seperti di usia muda yang mampu bergerak pantas dan mempunyai kesihatan yang baik. Justeru itu, semenjak kebelakangan ini, masyarakat Ture hampir tidak mendapat apa-apa pembangunan daripada pentadbiran Tuan Wakil disebabkan keadaan yang semakin uzur dan mulai nyanyuk. Oleh itu, Pegawai Kanan memberikan gelaran Tuna Tua kepadanya kerana, sifat dan watak Tuan Wakil yang mempunyai kedudukan yang tinggi tetapi disebabkan faktor usia yang semakin senja membuatkan Tuan Wakil tidak mampu lagi untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran dengan sebaik mungkin. Hal ini demikian, dapat memberi simbolik dan gambaran kepada sistem pentadbiran yang ada masa kini di negara kita. Seseorang pemimpin yang tua sememangnya cukup dengan pengalaman dan kemahiran dalam sistem pentadbiran. Akan tetapi, tenaga dan kudrat yang semakin lemah mampu memberi kesan sampingan terhadap kerancakan pembangunan dan kemajuan negara. Oleh itu, untuk menjadi seseorang pemimpin yang mampu membawah perubahan dan pembangunan secara terus dalam sistem pentadbiran, harus seseorang yang muda, sihat tubuh badan dan memiliki kekuatan mental untuk terus berfikir serta mencipta strategi pembangunan yang dijalankan.

KELANTAN

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Bahagian ini merupakan bahagian kesimpulan dan juga penutup terhadap analisis dan perbincangan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Pada bahagian ini, pengkaji akan memberikan penjelasan secara keseluruhan terhadap tajuk serta implikasi kajian yang diperoleh oleh pengkaji. Pada bahagian ini juga, pengkaji akan menyimpulkan idea-idea dan isi yang disampaikan secara ringkas dan padat berserta cadangan yang akan dikemukakan.

#### 5.1 Rumusan Kajian

Dalam sesebuah karya prosa, sesuatu ungkapan dilahirkan secara terus dan secara kiasan atau perlambangan yang mempunyai lapis makna yang tertentu. Ungkapan secara perlambangan ini mempunyai tujuan untuk mendidik, menegur, menyedarkan dan menjana pemikiran kritis. Antara perkara yang sering menggunakan makna berlapis ini ialah persoalan masyarakat dan persekitaran yang melingkungi budaya seharian termasuk politik dalam masyarakat.

Namun, kiasan atau perlambangan juga dapat dikesan dalam karya prosa Melayu berbentuk novel dan cerita pendek. Asasnya sama seperti kelahiran karya puisi-puisi Melayu tradisional dan moden, iaitu sajak yang mengandungi kias dan metafora yang melambangkan kebijaksanaan pengarang Melayu. Faktor-faktor berlakunya situasi ini, dalam karya-karya Melayu adalah kerana wujud perkara yang tidak boleh atau tidak dapat dinyatakan secara berterus-terang. Hal ini demikian, terdapat banyak perkara yang tidak dapat dinyatakan secara terus terang oleh para pengarang dalam sesebuah karya sastera antaranya disebabkan oleh sensitiviti, keharmonian masyarakat serta ketekalan sesebuah parti yang memerintah mahupun bakal menjadi pemerintah.

Keadaan ini tidak jauh berbeza dengan dekad-dekad awal pernovelan Melayu yang juga merupakan dekad semakin menghampiri kemerdekaan Negara. Oleh sebab, ketidakpuasan hati terhadap situasi politik dalam masyarakat turut diungkapkan dalam novel-novel Melayu seperti novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan (2014) ini.

Kelahiran novel-novel berorientasikan atau berunsurkan politik antara lain bertujuan untuk membuka mata pembaca agar menanggapi dan memikirkan persoalan-persoalan berkaitan siasah yang melingkungi masyarakat sepanjang masa. Walaupun sesetengah persoalan politik yang diangkat dalam sesebuah novel bersifat semasa namun kerelevannya wajar difikirkan untuk tujuan masa akan datang selain untuk mengimbaskan kembali situasi politik yang pernah berlaku sebelum itu.

Oleh itu, persoalan politik dalam masyarakat telah dikemukakan dalam banyak karya termasuk dua karya perdana Melayu, iaitu Sejarah Melayu (*Sulalatus Salatin*) dan (*Hikayat Hang Tuah*). Setiap perkembangan politik yang melibatkan peristiwa tertentu akan mempengaruhi pengarang secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan sesebuah karya khusus dalam teguran politik semasa.

## 5.2 Cadangan

Hal ini merujuk kepada ruang lingkup penghasilan kajian yang dilaksanakan ini. Pengkaji begitu yakin di samping melaksanakan kajian ini, terdapat banyak kekurangan dan kelemahan serta mungkin perlu diperkembangkan dengan lebih lagi. Oleh itu, pengkaji cuba mengusulkan beberapa cadangan agar pihak lain atau pengkaji yang akan datang mampu meneruskan kajian dan penelitian di bawah tajuk yang sama, khususnya penelitian dalam penggunaan ungkapan sebagai simbolik terhadap sosial masyarakat. Antara cadangan yang mampu diutarakan oleh pengkaji ialah;

### 5.2.1 Memperluaskan Kajian tentang penggunaan Ungkapan Sebagai Suatu Simbolik.

Pengkaji merasakan topik sebegini menarik menjadi bahan kajian khusus dalam menelusuri sifat-sifat sesuatu manusia. Tidak kira dalam sistem pentadbiran, susun lapis

masyarakat sosial, politik dan ekonomi. Akan tetapi kajian sebegini mampu membuka mata kepada pengkaji sendiri untuk memahami dan membina jati diri seseorang pengkaji berdasarkan karya-karya tempatan. Oleh itu, faktor daripada pengkaji sendiri yang akan menjadi cenderung dan pengaruh untuk memperluaskan kajian tentang penggunaan istilah atau ungkapan dalam sesebuah karya sindiran. Hal ini demikian, secara tidak langsung, akan lebih ramai pengkaji akan tertarik dan melakukan kajian terhadap kreativiti pengkarya dalam mencetuskan istilah-istilah sesuatu ungkapan sebagai suatu simbolik atau perlambangan.

### **5.2.2 Memperbanyakkan Kajian Terhadap Aspek penelitian**

#### **Ungkapan Dalam Pelbagai Genre Sastera.**

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa dalam karya sastera tempatan. Banyak menampilkan karya-karya bukan sahaja melalui novel, drama, cerpen bahkan melalui puisi seperti sajak, gurindam, pantun dan banyak lagi. Begitu sarat dengan penggunaan ungkapan-ungkapan yang lebih gramatis dan halus dalam membina teguran serta sindiran terhadap tindakan sosial masyarakat. Oleh itu, tindakan pengkaji akan datang, boleh mengambil tajuk dan objektif kajian yang sama bagi memperbanyakkan kajian terhadap ungkapan dalam

sesebuah genre sastera yang disampaikan. Sama ada berbentuk positif atau teguran yang mampu membina jadi diri seseorang manusia.

### **5.2.3 Dikembangkan dengan aspek penelitian teori yang lain sebagai penyumbang terhadap perspektif kehidupan.**

Hal ini adalah motif utama di samping mencapai objektif kajian yang dijalankan oleh pengkaji dalam kajian di bawah tajuk ini. Pengkaji telah mengesan beberapa kepentingan dalam penelitian jenis kata yang digunakan sebagai ungkapan atau simbolik sesuatu keadaan. Hal ini, sepanjang penelitian kajian ini, pengkaji menyedari bahawa pengkarya cuba membawa jenis-jenis kata atau ungkapan daripada jenis tumbuhan mahu pun hidupan lain sebagai simbolik. Hal ini kerana, bukan sahaja kajian sebegini mampu mentafsir makna disebalik ungkapan. Akan tetapi, pengkaji akan mempelajari sesuatu yang menarik tentang fakta, latar belakang, sifat atau habitat sesuatu hidupan. Sama ada ianya sekecil zarah hingga sebesar gajah, hidupan berharga dan beracun, dari yang melata sehingga terbang di udara. Oleh itu, kajian sebegini boleh diperkembangkan lagi dengan kaitan teori-teori semasa bagi menghargai dan menyayangi keindahan alam. Selaras dengan pandangan Sastera yang mampu mendekatkan dengan alam sekeliling.

### 5.3 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan projek penyelidikan yang bertajuk Analisis Teguran Politik Semasa Berdasarkan Novel Naratif Ogonshoto Karya Anwar Ridhwan: Satu Kajian Penelitian Melalui Teori Sosiologi adalah bertujuan untuk menghasilkan sesebuah penulisan bagi meninjau dan mengupas jenis-jenis teguran politik semasa mengikut gaya bahasa yang terkandung dan digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya sastera agung ini. Sungguh pun ramai berpendapat bahawa novel Naratif Ogonshoto, merupakan sebuah cereta pendek yang sukar untuk ditafsirkan makna yang ingin disampaikan kepada khalayak atau pembaca. Namun, sekirannya novel ini dikupas dan penuh dengan penelitian yang sempurna, maka pembaca akan dapat memahami mesej yang disampaikan oleh pengarang secara intelektual tanpa penjelasan daripada setiap ulasan yang disenaraikan oleh pengarang dalam penulisan novel Naratif Ogonshoto ini.

Oleh hal yang demikian, hasil daripada penulisan projek penyelidikan ini akan mampu menjadi bahan rujukan kepada para pelajar diluar sana mahupun masyarakat umum dalam pemantapan ilmu pengetahuan berdasarkan makna dan isi tersurat daripada teguran politik semasa yang terdapat dalam novel ini. Selain itu juga, penulisan projek ini akan mampu membuka mata masyarakat diluar sana agar sentiasa mengamalkan nilai-nilai kepimpinan bagi pembangunan serta kemajuan dalam sistem pentadbiran negara.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong, Rashila Ramli & Sarjit Singh (2018). "Memorandum by the Malaysian Social Science Association (PSSM) to The Hon. Minister of Education in Conjunction with the Dialogue on Reforming Malaysian Higher Education" dalam *Southeast Asian Social Science Review*. 3(2): 151-155
- Agustiati (2009). "Sistem Ekonomi Kapitalisme" dalam *Academica 1, no. 2*
- Ali Salman et. al. (2018). "Penggunaan media sosial untuk sokongan politik di Malaysia" dalam *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(1), 51–63.
- Aminuddin Mohd. Yusof (1990). *Siri Analisis Psikologi Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Amir Hasan Dawi (2006). *Penteorin Sosiologi dan Pendidikan Edisi Ketiga*. Quantun Books.
- Anwar Ridhwan (2014). *Novel Naratif Ogonshoto*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azhar (2017). "Antara Ekonomi Islam dan Ekonomi Konvensional" dalam *Islamika: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman* 17(2): 1–16.
- B. Hesto Cipto Handoyo (2009). *Hukum Tata Negara, Menuju Konsolidasi Sistem Demokrasi*. Yogyakarta: Universitas Atmajaya.
- Beindix, R. (1974). "Inequality and Social Structure: A Comparison of Marx and Weber" dalam *American Sociological Review*. 39(2): 149-161
- Berg. D. L, Huijbens. E. H, Larsen. H. G. (2016). "Producing anxiety in the neoliberal university" dalam *The Canadian Geographer*. 60(2): 168-180
- Berman. E. P. (2013). "Not Just Neoliberalism: Economization in US Science and Technology Policy" dalam *Science, Technology and Human Values*. 339(3): 397-431
- Birnbaum, N. (1953). "Conflicting Interpretations of the Rise of Capitalism: Marx and Weber. London School of Economics and Political Science" dalam *The British Journal of Sociology*. 4(2): 125-141.

- Deem. R. (2001). "Globalisation, New Managerialism, Academic Capitalism and Entrepreneurialism in Universities: Is the local dimension still important" dalam *Comparative Education*. 37(1): 7-20.
- Delanty. G. (1998). "The idea of the university in the global era: From knowledge as an end to the end of knowledge Social Epistemology" dalam *Journal of Knowledge, Culture and Policy*. 12(1): 3-25.
- Dian Hikmah Mohd Ibrahim & Mohd Zaidi Mahyuddin. (2016). *Pengangguran Belia di Malaysia: Perkembangan dan Pertimbangan Dasar*. Bank Negara Malaysia
- Doria Abdullah. 2017. *Public Universities and Budget Cuts in Malaysia*. International Higher Education. (91): 15-17.
- Effendi & Syamsul. (2019). "Perbandingan Sistem Ekonomi Islam Dengan Sistem Ekonomi Kapitalis dan Sosialis" dalam JRAM (*Jurnal Riset Akuntansi Multiparadigma*). 6(2):147–58.
- Etienne, J. (2011). *Compliance Theory: A Goal Framing Approach*. University of Denver: *Law & Policy*. 33(3): 305–333.
- Evers. H. D. (1997). *The Symbolic Universe of the UKM*: A Semiotic Analysis of the National University of Malaysia. *Institute of Southeast Asian Studies*. 12(1): 46-63
- Fairclough, N. & R. Wodak. (1997). *Critical Discourse Analysis*. Dlm Van Djik, T.A. (ed.). *Discourse as Social Interaction*. London: Sage Publications Ltd.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Faisal Abdul Hamid & Hamidah Jailani. (2010). *Beberapa Pandangan Mengenai Islam dari Perspektif Parti Politik Melayu*. Universiti Malaya.
- Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). "Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing" dalam *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*: Universiti Malaysia Pahang ISSN: 2289-7208.
- Ghazali, M. (2008). *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam Konteks Malaysia*. Bangi: Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Mohd Rumaizuddin. (2017). *Pengamalan Demokrasi di Dunia Islam Menurut Perspektif Islam*. Universiti Sains Islam Malaysia.

- Giroux. H. A. (2002). "Neoliberalism, Corporate Culture, and the Promise of Higher Education: The University as a Democratic Public Sphere" dalam *Harvard Educational Review*. 72(4): 425-463
- Giroux. H. A. (2010). "Bare Pedagogy and the Scourge of Neoliberalism: Rethinking Higher Education as a Democratic Public Sphere" dalam *The Educational Forum*. 74(3): 184-16
- Goatly, A. (1997). *The Language of Metaphors*. London: Routledge.
- Gough. I. (1975). "State Expenditure In Advanced Capitalism" dalam *New Left Review*. 1(92):53-92
- Hashim, I. (2010). *Hermeneutik Reaksi Reformasi Kaum Muda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, A. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hooker, V.M. (2000). *Writing A New Society, Social Change Trough the Novel in Malay* dalam New South Wales, Australia: Allen & Unwin.
- Ishak, H.M. (1960). *Anak Mat Lela Gila*. Kuala Lumpur: Federal Publication Sdn. Bhd.
- Jeniri, A. (2005). *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2012). "Kriteria pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. Geografia Online" dalam *Malaysia Journal of Society and Space* 8(4), 44-55.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Faidz Mohd Zain (2014). "Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia Dengan Menggunakan Pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti Dan Model Sosiolog" dalam *Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia Ke-8 (PAHMI8) (The 8th International Conference On Malaysia-Indonesia Relations)*. Anjuran: Fakultas Hukum, Universitas Lancang Kuning (UNILAK), Pekanbaru, Riau, Indonesia. 23-25 September.
- Kassim Ahmad (2008). *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*. Petaling Jaya, Selangor: ZI Publications Sdn. Bhd.
- Ma'rof Redzuan. (2001). *Psikologi Sosial*. Terbitan Universiti Putra Malaysia.

- Marx, Karl, Engel & Frederick (1998). "The Communist Manifesto: A Modern Edition" dalam *Journal London: Verso*.
- Mc Nally & David (1984). "Socialisme From Below" dalam *Journal London: End Offset*.
- Mohamad Ariff (2016). *Kajian Makna Siratan Dalam Novel Politik Melayu Terpilih: Analisis Berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu*. Universiti Malaya.
- Mohamad Rosmizi Mahamad et.al. (2020). *Keunggulan Kepengarangan Novel Naratif Ogonshoto dan Novel Penyeberang Sempadan: Teori Teksdealisme melalui empat prinsip iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keindividualan*. Universiti Malaya.
- Mohammad Saleeh Rahamad (2005). *Naratif Ogonshoto: Ibarat Madu Lewat Saringan. Novel multi-genre Anwar Ridhwan*. Universiti Malaya.
- Mohd Affandi Hasaan (2017). *Pengajaran Dari Keistimewaan Naratif Ogonshoto Kepada Sifat Siuman Manusia Beragama dalam Gagasan Persuratan Baru*. Petaling Jaya
- Mohd Amin Othman & Nurihan Yahaya (2004). *Golongan Berpendapatan Rendah dan Cabaran*. Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Ikhwan Rosyidi et al. (2010). *Analisis Teks Sastera. Mengungkap Makna, Estetika, dan Ideologi Dalam Perspektif Teori Formula, Semiotika, Hermeneutika dan Strukturalisme Genetik*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Mohd Salleh Lebar (2007). *Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Cetakan Ketiga. Thinker's Library.
- Muhamat Razaleigh (2014). *Kedudukan Politik Dalam Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Musthafa Husni Assiba'i (1969). *Sosialisme Islam*. Bandung: Diponegoro
- Nor Hashimah Jalaluddin (1990). "Semantik dan Pragmatik dalam Teori Relevan" dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, 34(6), 474-483.
- Nor Hashimah Jalaluddin (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2000). *Seksis atau Sosialis: Satu Interpretasi Makna Berdasarkan Peribahasa Melayu*.

- Nurul Naemah Hamedan et. al. (2019). "Media, isu dan tingkah laku pengundi dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Satu kajian awal" dalam *Jurnal Komunikasi*, 35(2), 293–312.
- S.M. Zakir (2014). "Karya dan Kekuasaan Pengarang: Pemikiran dan Gaya Naratif Mutakhir Anwar Ridhwan. Persatuan Penulis Nasional Malaysia" dalam *Jurnal Melayu Jilid 12(1)*.
- Saliman Mohd (2016). *Tema dan Persoalan Kesusastraan Melayu: Naratif Ogonshoto* dalam karya Anwar Ridhwan.
- Samozin. (2017). *Kajian Novel Naratif Ogonshoto Prolog*. Bab 1- Bab 2. Nota Kesusastraan Melayu SPM 2016-2030.
- Siti Noranizahhafizah Boyman (2017). "Students and Campus Elections: Case study at Sultan Idris Education University, Malaysia" dalam *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 9(6), 32-45.
- Sivamurugan Pandian (2014). "University students and voting behavior in general elections: Perceptions on Malaysian political parties leadership" dalam *Journal Asian Social Science*, 10(18), 225-231.
- Snow, D.A., Zurcher, L.A. dan Olson, S.E. (1980). "Social Networks and Social Movements: A Microstructural Approach to Differential Recruitment". Dalam *Journal American Sociological Review*. Vol. 45: 787-801.
- Sodikin. (2014) Hukum Pemilu; *Pemilu Sebagai Praktek Ketatanegaraan*. (Bekasi: Gramata Publishing) 46-47.
- Soen, D. (1981). "Citizen and Community Participation in Urban Renewal and Rehabilitation-Comments on Theory and Practice". Dalam *Journal Community Development*. Vol. 16(2): 105-118.
- Stinson, T.F. dan Stam, J.M. (1976). "Toward and Economic Model of Volunteerism: The Case of Participation in Local Government" dalam *Journal of Voluntary Action Research*. Vol. 5: 52-60.
- Stohr, W.B. (1981). "Development from Below: The Botom-Up and Periphery-Inward Development Paradigm. Dalam Stohr, W.B. & Taylor, D.R.F. (eds.), *Development from Above or Below*" dalam *Journal The Dialectics of Regional Planning in the Developing Countries*. New York: John Wiley and Son.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2007). *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Penerbit Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.

- Wandersman, A. (1981). "A Framework of Participation in Community Organization" dalam *Journal The of Applied Behavioral Science*. Vol. 17(1): 27-58.
- Williams, C.C. (2005). "A Critical Evaluation of Hierarchical Involvement: Some Lessons from the UK" dalam *Community Development of Journal*. Vol. 40(1): 30-38.
- Zainal Kling (1986). *Pembangunan Komuniti: Perspektif Sosiobudaya. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Integrasi dan Pembangunan Sabah*, Bangi, 24-26 Februari.
- Zurcher, L.A. dan Snow, D.A. (1981). "Collective Behavior: Social Movement. Dalam Rosenberg, M. & Turner, R. H. (eds.), *Social Psychology*" dalam *Journal Sociological Perspectives*. New York.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN INTERNET

PERKARA	TARIKH DICAPAI
<a href="https://images.app.goo.gl/ncP7rT4KLktvepi77">https://images.app.goo.gl/ncP7rT4KLktvepi77</a>	(4 Januari 2023)
<a href="https://images.app.goo.gl/AZ9KvN9RBQPXqp1x7">https://images.app.goo.gl/AZ9KvN9RBQPXqp1x7</a>	(5 Januari 2023)
<a href="https://images.app.goo.gl/Kt4nRD19yUsVGjkCA">https://images.app.goo.gl/Kt4nRD19yUsVGjkCA</a>	(6 Januari 2023)
<a href="https://images.app.goo.gl/ozwPLtKFQbE7XEP78">https://images.app.goo.gl/ozwPLtKFQbE7XEP78</a>	(7 Januari 2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN